



● BIL 282 ● 4 - 10 OKTOBER 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



RM mengukuh >> 2-3

**Bila nasi
jadi bubur**
>> 9-11

**Fenomena luar
biasa Mahkota**
>> 17

**Labuan sumbang
peningkatan pelancong**
>> 20

Berita baik untuk sektor pendidikan

PENGUKUHAN nilai ringgit berbanding dolar merupakan satu berita baik khususnya kepada ibu bapa yang mahu menghantar anak-anak mereka melanjutkan pengajian ke Amerika Syarikat (AS).

Duta Besar Malaysia ke AS, **Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz** berkata ia juga berita baik buat agensi-agensi kerajaan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Education

Malaysia dalam mengatur semula bilangan pelajar yang akan dihantar ke AS.

"Kita tahu selama ini banyak agensi-agensi kita (kerajaan) telah kurang menghantar pelajar ke sini (AS). Jumlah pelajar Malaysia yang belajar di sini juga berkurangan.

"Oleh itu, dengan pengukuhan ringgit saya berharap supaya ramai pelajar akan dapat dihantar



MOHAMED
NAZRI

untuk melanjutkan pengajian ke Amerika Syarikat," katanya kepada Wilayahku.

Mohamed Nazri berkata berdasarkan laporan diterimanya untuk tahun ini, ia menunjukkan trend penurunan melibatkan pelajar baharu dari Malaysia mendaftar di institusi

pendidikan tinggi di AS.

Laporan-laporan itu katanya, dimaklumkan oleh JPA, MARA dan juga Education Malaysia.

"Saya akan adakan mesyuarat dengan ketua-ketua agensi itu di Washington tidak lama lagi dan akan membangkitkan perkara ini kepada mereka.

"Di banyak universiti di AS yang saya lawati memang saya minta mereka banyakkannya lagi tempat diberikan kepada pelajar-pelajar Malaysia. Tetapi kita faham

dengan kedudukan semasa ringgit sebelum ini," tambahnya.

Beliau memberitahu, insya-Allah untuk semester akan datang pihak kedutaan mengharapkan akan ada peningkatan kemasukan pelajar dari Malaysia.

"Ini (pengukuhan ringgit) memang satu berita baik terutama dalam sektor pendidikan tinggi. Semoga akan ramai lagi anak-anak kita dapat dihantar melanjutkan pengajian ke luar negara," katanya.

Raih keyakinan syarikat gergasi dunia

NEGARA TARIK RM70.3 BILION

SYED HAZIQUE

PELABUR asing tertarik untuk melabur di Malaysia kerana pulangan pelaburan yang kompetitif dalam sektor-sektor seperti hartanah, pasaran saham dan bon kerajaan.

Terbaharu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim maklumkan mengenai minat syarikat gergasi teknologi dunia Oracle, terkait pembukaan pusat awan awam pertamanya dengan pelaburan berjumlah AS\$6.5 bilion (RM27 bilion).

Menurut Anwar, keputusan tersebut mencerminkan keyakinan dan komitmen syarikat-syarikat dunia terhadap potensi Malaysia sebagai pintu masuk bagi infrastruktur awan dan menyokong pertumbuhan ekosistem kecerdasan buatan (AI) serantau.

Kejelasan dasar dan pendekatan kerjasama strategik yang dilaksanakan Kerajaan MADANI telah berjaya menarik pelaburan daripada syarikat teknologi utama dunia seperti Amazon Web Services, Microsoft dan Google.

Keseluruhan projek yang diumumkan oleh syarikat-syarikat ini sehingga kini melibatkan pelaburan keseluruhan yang dianggarkan bernilai AS\$16.9 bilion (RM70.3 bilion).

Menurut Setiausaha Agung, Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia, **Dr Mohd Fairuz A. Razak** apabila pelabur asing ingin melabur di Malaysia, mereka perlu menukar mata wang mereka kepada ringgit, yang meningkatkan permintaan terhadap ringgit.

"Pengurusan bekalan mata wang oleh Bank Negara Malaysia boleh memastikan ringgit tidak dibanjiri di pasaran. Penawaran yang terkawal ini mengekalkan kestabilan

dan boleh mengukuhkan nilainya," katanya.

Selain itu, Mohd Fairuz menjelaskan dasar monetari yang ketat di mana jika BNM mengekalkan kadar faedah, ia menjadikan simpanan dalam ringgit lebih menarik kepada pelabur kerana mereka boleh mendapat pulangan lebih tinggi berbanding dengan mata wang lain yang mempunyai kadar faedah lebih rendah.

"Ini dinamakan *carry trade*, di mana pelabur meminjam dalam mata wang yang mempunyai kadar faedah rendah dan melabur dalam mata wang yang mempunyai kadar lebih tinggi.

"Dalam jangka pendek, biasanya menyebabkan peningkatan aliran masuk modal jangka pendek seperti pelaburan dalam bon dan instrumen kewangan.

"Dalam jangka panjang, kestabilan kadar faedah yang tinggi boleh menyokong peningkatan pelaburan langsung asing (FDI), yang seterusnya mengukuhkan ringgit," ujarnya.

Menurut beliau, jika ekonomi global menunjukkan pemulihan yang kukuh selepas kelembapan atau kemelesetan, permintaan terhadap eksport Malaysia, seperti elektronik, minyak sawit dan gas asli, akan meningkat.

"Apabila eksport meningkat, hasil dalam bentuk mata wang asing akan bertambah, yang memberikan tekanan ke atas kenaikan nilai ringgit.

"Malaysia merupakan pengeksport komoditi seperti minyak kelapa sawit dan gas asli. Kenaikan harga komoditi global akan meningkatkan pendapatan negara, yang menyebabkan lebih banyak aliran masuk mata wang asing sekali gus akan menyebabkan peningkatan permintaan terhadap ringgit serta

mengukuhkan nilainya" katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang pesat menarik lebih ramai pelabur asing.

"Apabila data KDNK Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang sihat, ia memberi keyakinan kepada pelabur untuk mengekalkan atau meningkatkan pelaburan dalam negara.

"Selain itu, apabila kadar pengangguran rendah, ekonomi domestik menjadi lebih stabil, meningkatkan keyakinan pelabur asing. Peningkatan dalam produktiviti akan memacu keuntungan syarikat, seterusnya meningkatkan keyakinan terhadap ekonomi Malaysia dan mengukuhkan ringgit," katanya.

"Malah jika kerajaan berjaya mengekalkan kadar inflasi yang rendah dan stabil, daya beli rakyat akan meningkat ia memberi keyakinan kepada pelabur bahawa nilai ringgit akan kekal kukuh dalam jangka panjang kerana inflasi yang terkawal mengurangkan tekanan terhadap penurunan nilai mata wang," jelasnya.

Namun, Mohd Fairuz turut menegaskan faktor luaran seperti kelemahan mata wang utama lain terus mengukuhkan nilai ringgit.

"Ringgit boleh kelihatan lebih kukuh apabila mata wang utama lain, seperti dolar AS atau euro, melemah. Ini boleh berlaku jika ekonomi AS atau Eropah menghadapi cabaran seperti inflasi yang tinggi, pertumbuhan ekonomi yang perlahan atau krisis politik," katanya.

Beliau berkata langkah-langkah pembaharuan yang dilaksanakan oleh kerajaan, seperti memperbaiki persekitaran perniagaan, mempromosikan inovasi dan memperkukuh perdagangan antarabangsa, boleh menarik pelaburan asing dan meningkatkan keyakinan pasaran terhadap ekonomi Malaysia.



TINDAKAN terselaras antara kerajaan dan BNM membantu keseimbangan aliran (dana) yang lebih baik. - Gambar hiasan

Mata wang dijangka terus mengukuh

NILAI mata wang Ringgit Malaysia dijangka akan terus mengukuh sehingga di bawah paras RM4 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sehingga hujung tahun ini.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid** berkata Ringgit Malaysia, yang terus mencatatkan aliran meningkat, melonjak kepada paras tertinggi berbanding dolar AS sejak Mac 2022.

"Ia bukan sahaja mata wang yang mencatatkan prestasi terbaik di rantau ini malah menunjukkan pengukuhan paling ketara di peringkat dunia pada bulan ini susulan penurunan kadar faedah yang besar oleh Rizab Persekutuan (Federal Reserve) Amerika Syarikat (AS).

"Perjalanan negara dalam mengatasi cabaran dan mencapai pertumbuhan pesat, disokong oleh ekonomi yang berkembang pada kadar terpantas dalam tempoh 19 bulan lepas, telah menarik perhatian global," katanya kepada Wilayahku.

Tambah Mohd Afzanizam, reformasi ekonomi negara sedikit sebanyak membantu

pertumbuhan peningkatan ekonomi negara sekali gus meningkatkan nilai ringgit itu sendiri.

"Reformasi ekonomi yang dilaksanakan telah memberi impak positif kepada keyakinan pelabur-pelabur asing, pembaharuan struktur kerajaan yang berterusan, rasionalisasi

subsidi dan peningkatan perlindungan sosial menawarkan peluang untuk meneruskan perubahan yang bermakna.

"Selain itu, tindakan terselaras antara kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM), yang telahpun membantu keseimbangan aliran (dana) yang lebih baik akan diteruskan dan ini akan memberikan sokongan kukuh terhadap ringgit.

"Terdapat beberapa bank-bank pelaburan global seperti JP Morgan, Nomura dan HSBC telah memberi syor yang positif kepada para pelanggan mereka dari segi penarafan negara Malaysia.

"Perkara ini telah menyebabkan berlakunya kemasukan jumlah dana-dana asing ke dalam negara kita," jelasnya.



MOHD
AFZANIZAM



MALAYSIA perlu membangunkan industri bernilai tinggi dan menjauhi pergantungan kepada komoditi sedia ada bagi meneruskan pengukuhan ringgit. - Gambar hiasan

Kestabilan ringgit jangka panjang

PERLU PELBAGAIKAN SEKTOR EKONOMI

METRA SYAHRIL MOHAMED

MALAYSIA perlu mempelbagaikan sektor ekonominya dan mengurangkan kebergantungan kepada eksport komoditi bagi menstabilkan ringgit dalam jangka masa panjang.

Penganalisis ekonomi, **Dr Mohamad Khair Afham** berkata pelaburan dalam industri bernilai tinggi seperti pembuatan dan teknologi termaju akan mengurangkan pergantungan kepada eksport dalam denominasi dolar dan memberikan lebih daya tahan terhadap kejutan luaran.

Selain itu, katanya, pengukuhan hubungan perdagangan dengan kawasan bukan dolar, terutamanya melalui perjanjian perdagangan dua hala dalam mata wang lain, boleh mengurangkan pendedahan ringgit kepada turun naik dolar Amerika Syarikat (AS\$).

“Peralihan ini ke arah lebih banyak perjanjian perdagangan dan mata wang serantau, seperti mekanisme ringgit-yuan dengan China, boleh memberikan lebih kestabilan jangka panjang bagi ringgit.

“Walaupun ringgit menunjukkan prestasi yang tampak menjanjikan dalam jangka masa pendek, nilainya dalam jangka masa panjang akan lebih bergantung kepada keupayaan Malaysia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi global dan mengurangkan kebergantungannya kepada dolar AS,” katanya.

Malaysia juga boleh meningkatkan hubungan perdagangan dengan pasaran bukan denominasi dolar, seperti Kesatuan Eropah, negara-negara ASEAN dan Asia Barat untuk mengurangkan pendedahan kepada turun naik dolar AS.

Tambahan pula katanya, membangunkan industri bernilai tinggi seperti pembuatan dan teknologi maju boleh membantu Malaysia menjauhi pergantungan kepada komoditi sedia ada.

“Ini akan mempelbagaikan ekonomi, menjadikannya lebih berdaya tahan terhadap turun naik harga komoditi dan kadar pertukaran dolar.

“Menggalakkan perniagaan untuk melindungi nilai aset (*hedge*) daripada risiko mata wang melalui instrumen kewangan seperti kontrak hadapan juga boleh memberikan kestabilan yang lebih tinggi dalam menghadapi turun naik kadar pertukaran.

“Dengan menggunakan strategi ini, Malaysia boleh mengukuhkan kedua-dua mata wangnya dan asas ekonominya yang lebih luas, mengurangkan kelemahan kepada kejutan luaran dan menggalakkan pertumbuhan yang mampan,” katanya.

Menurut Mohamad Khair pengukuhan ringgit baru-baru ini boleh dikaitkan dengan gabungan faktor luaran dan domestik yang telah mempengaruhi prestasinya selepas tempoh yang lemah (secara relatif).

Ringgit katanya, mengalami tekanan sebelum ini disebabkan beberapa faktor global, termasuk kenaikan kadar faedah yang agresif oleh Rizab Persekutuan AS yang membawa kepada dolar AS yang lebih kukuh.

“Dalam jangka pendek, prestasi ringgit akan bergantung pada faktor luaran, terutamanya arah kadar faedah AS. Jika Rizab Persekutuan AS terus mengekalkan kadar faedah atau mengamalkan pendirian yang sama diambil baru-baru ini,

ia boleh membawa kepada pengukuhan lagi ringgit.

“Selain itu, pemulihan berterusan harga komoditi, terutamanya minyak dan minyak sawit, boleh melonjakkan lagi ringgit,” katanya.

Dalam jangka panjang katanya, prospek ringgit bergantung kepada kedua-dua keadaan ekonomi domestik dan keadaan ekonomi global.

Ditanya mengenai kelebihan jika ringgit terus mengukuh katanya, ia membawa kepada beberapa kelebihan penting untuk rakyat Malaysia merentasi pelbagai sektor, terutamanya yang terikat dengan kadar pertukaran dolar AS.

“Salah satu kesan yang paling ketara ialah pengurangan kos import. Ringgit yang lebih kukuh menjadikannya lebih murah untuk mengimport barangan keperluan seperti makanan, bahan api, bahan mentah dan jentera, membantu mengawal inflasi dan meningkatkan kemampuan untuk pengguna.

“Sebagai contoh, memandangkan Malaysia sangat bergantung kepada produk makanan dan bahan api yang diimport, mata wang yang lebih kukuh boleh membantu mengekang kenaikan harga, sekali gus mengurangkan kos sara hidup isi rumah.

“Ini seterusnya meningkatkan kuasa beli rakyat Malaysia,” katanya.

Bagi industri yang bergantung kepada input atau bahan mentah yang diimport seperti pembuatan, elektronik dan farmaseutikal katanya, ringgit yang lebih kukuh adalah bermanfaat kerana ia dapat mengurangkan kos pengeluaran.

Tambahnya, syarikat-syarikat dalam sektor ini boleh membeli bahan mentah dan barangan perantaraan pada harga yang lebih murah dan mengurangkan kos operasi keseluruhan mereka.

Politik stabil bawa impak positif

RINGGIT yang kian mengukuh menunjukkan pelabur luar semakin yakin dengan ekonomi dan kestabilan politik dalam negara, kata Penganalisis Ekonomi, **Profesor Ahmed Razman Abdul Latiff**.

Ahmed Razman dari Putra Business School berkata pergerakan ringgit dipengaruhi oleh faktor dalaman dan luaran.

“Kalau tengok apa berlaku masa ini lebih kepada kedua-dua faktor. Kalau faktor luaran lihat keputusan persekutuan di Amerika Syarikat (AS) menurunkan kadar faedah yang menyebabkan dolar AS merudum sekali gus meningkatkan nilai ringgit. Itu faktor utama.

“Pada masa sama permintaan dari China kembali meningkat berikutan negara itu merupakan rakan dagang utama,” katanya.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berkata kestabilan politik turut menyumbang kepada keyakinan pelabur untuk melabur. Beliau berkata ini sekali gus meningkatkan keyakinan terhadap ringgit.

“Selain itu, eksport setiap bulan juga menyumbang kepada pengukuhan ringgit. Pertumbuhan eksport catat keputusan yang positif,” katanya.

Ringgit naik kepada 4.1275/1310 berbanding dolar AS pada 25 September lalu, mencatatkan paras paling kukuh sejak Jun 2021.

Mata wang tempatan meningkat 0.69 peratus daripada 4.1550/1605 pada 24 September lalu.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi, **Profesor Datuk Mohd Yusof Kasim** yang merupakan bekas Profesor Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata pengukuhan ringgit berikutan faktor keyakinan orang luar kepada ekonomi negara.

Beliau berkata ringgit masa ini menunjukkan prestasi yang terbaik.

“Pengukuhan ringgit akan menyebabkan pertambahan pelaburan berlaku.

“Pengguna dan negara membeli barang import dengan harga yang lebih rendah dan sebaliknya barang eksport kita akan lebih mahal sedikit,” katanya.

Tambah Mohd Yusof pendapatan eksport akan naik selagi pengimport tidak mengurangkan permintaannya.

“Di samping itu, hutang negara dalam wang dolar akan berkurangan dalam nilai ringgit,” katanya.

Ringgit turut mencatatkan prestasi yang kukuh berbanding mata wang utama.

Ia meningkat berbanding euro kepada 4.6158/6197 daripada 4.6274/6335 pada Isnin, naik berbanding pound kepada 5.5189/5236 daripada 5.5590/5663 dan mengukuh berbanding yen Jepun kepada 2.8625/8652 daripada 2.8796/8836.

Ringgit turut diniagakan tinggi berbanding mata wang ASEAN.

Ia naik berbanding dolar Singapura kepada 3.2121/2150 daripada 3.2244/2289 pada Isnin dan meningkat berbanding peso Filipina kepada 7.38/7.39 daripada 7.39/7.40.

Ringgit turut naik berbanding rupiah Indonesia kepada 273.3/273.6 daripada 273.5/274.0 dan meningkat kepada 12.6158/6353 daripada 12.6426/6640 berbanding baht Thailand.



AHMED RAZMAN



MOHD YUSOF



MOHAMAD KHAIR

Isu pengisytiharan harta diperdebat

BUKAN BERDENDAM TETAPI PRINSIP TATAKELOLA

ISU pengisytiharan harta oleh para pemimpin yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini menjadi perhatian pelbagai pihak.

Malah ia terus diperdebatkan di laman sosial kononnya PMX menyuarakan hal tersebut kerana berdendam dan sengaja mahu mencari salah pihak pembangkang.

Dalam masa yang sama terdapat segelintir pihak yang mendakwa beliau 'memaksa' pemimpin lain untuk melakukannya sedangkan beliau sendiri tidak mengisytiharkan harta.

Nampaknya tuduhan yang dilemparkan itu tidak betul sama sekali kerana Anwar sebelum ini sudah pun melakukan pengisytiharan harta miliknya.

Memetik ucapan beliau ketika Majlis Pecah Tanah Projek Pembinaan SMISTA di Bukit Jalil, baru-baru ini, Anwar berkata sebagai Perdana Menteri beliau sentiasa bersedia pada bila-bila masa jika diminta untuk berbuat demikian.

"Saya, kalau ada (pihak) minta esok (isytihar) harta, esok juga saya buat, koreklah banyak mana pun, baru boleh jadi pemimpin, jadi contoh.

"Jika tidak, apa yang kita nak ajar kepada rakyat kerana antara cara untuk angkat darjat Islam itu ialah dengan tatakelola yang baik.

"Ini (ada pihak) apabila suruh isytihar harta marah, (cakap kerana) dendam, apa dendam? Kalau kamu tak salah, buat apa takut isytihar



SEBAGAI Perdana Menteri, Anwar sentiasa bersedia pada bila-bila masa untuk mengisytiharkan harta beliau jika diminta untuk berbuat demikian.

harta?," kata beliau lagi.

Sejak dahulu lagi beliau sentiasa konsisten dengan ketegasan bahawa seseorang pemimpin itu harus terbuka untuk mengisytiharkan hartanya agar tidak timbul keraguan dalam kalangan rakyat.

Seharusnya apa yang dilakukan Anwar menjadi ikutan semua pemimpin di pelbagai peringkat kerana seorang pemimpin itu

mempunyai amanah yang besar terhadap rakyatnya.

Sebenarnya tidak ada apa yang perlu diselindungi. Semoga ketegasan serta kejujuran Anwar dalam mengisytiharkan harta akan menjadi amalan terbuka yang berterusan dalam kalangan pemimpin.

Pendirian ini juga jelas membuktikan beliau merupakan

seorang Perdana Menteri yang bersikap terbuka dan komited dalam berperang menghapuskan isu rasuah dan penyelewengan ke arah pembangunan Malaysia yang lebih baik.

Isu rasuah merupakan barah yang bukan sahaja mampu melemahkan ekonomi bahkan pentadbiran negara secara keseluruhannya akan turut terjejas disebabkan hal tersebut. 

Hinaan tidak ganggu fokus

SEMAKIN canggih teknologi pada hari ini, maka semakin rakus manusia menyebar fitnah sekali gus mengajak orang lain membenci apa yang dibenci oleh mereka.

Fitnah yang disampaikan dalam bentuk hantaran dan penulisan dilihat semakin parah dan jika dalam politik, ia digunakan sebagai senjata untuk menjatuhkan pihak lawan.

Begitu juga halnya yang dilalui oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tindakan segelintir pihak yang melemparkan fitnah terhadap beliau tidak pernah melemahkan semangat bahkan semakin kuat untuk mentadbir negara ke arah yang lebih hebat.

Menurut Anwar, lebih kesal, terdapat isu berpuluh tahun yang diungkit kembali yang mendatangkan fitnah untuk mengaibkan beliau.

Namun tegasnya, apa jua tuduhan yang dilemparkan terhadapnya tidak sesekali melunturkan semangat beliau untuk mengemudi Kerajaan MADANI.



ANWAR sempat menunaikan solat berjemaah di Masjid Sultan, Kampung Perigi Nenas, Pulau Indah sejurus program di Westports 2.

"Kamu hinalah banyak mana pun, berpuluh tahun saya dihina, ejen Yahudi, ejen Israel, main lelaki main perempuan, yang belum kata, main dengan lembu belum.

"Jadi kamu nak hina tak ada makna. Tapi biar ikut adab dan

akhlak. Kamu tahu hukum. Nak bawa kes, saya boleh cerita tapi saya nak maju ke depan.

"Tapi dia ungkit lagi. Anda pun tahu kes pertama buat di kondo itu tak ada apa lagi, itu yang sebab kata satu itu fitnah yang keji untuk

jatuhkan maruah orang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Bersama Warga Kerja Westports 2 di Dewan Budaya, Westports Malaysia, Klang, Selangor, baru-baru ini.

Sebelum ini, tular ucapan Anwar pada Ogos lalu di Putrajaya yang menyentuh tentang amanah yang harus dipikul sebagai Perdana Menteri.

"Ini kerana bila diberikan amanah ia adalah ujian Allah berikan kepada kita. Bila nak laksanakan amanah? Semasa berkuasalah kita laksanakan. Esok bila saya pencen saya jerit itu tidak betul ini tidak betul sudah tiada makna lagi.

"Sekarang ada kuasa setelah melalui liku-liku dan perit-jerih keluar masuk Penjara Sungai Buloh, inilah masa saya dan rakan-rakan berikan khidmat sebaik mungkin dan apapun cerca, hinaan dan fitnah tidak akan ganggu fokus saya bangun dan selamatkan negara serta mengangkat darjat rakyat," katanya. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

4-5/10/24: Teater Kobau Den Lopeh @ Auditorium Dewan Bahasa dan Pustaka

12/10/24: KL CERIA @ Astaka Titiwangsa

19 - 20/10/24: Gendang Sedunia @ Zepp Kuala Lumpur

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

12/10/24: Hari Rekreasi Putrajaya @ Anjung Floria

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

12/10/24: Hari Sukan Negara @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

25-27/10/24: Borneo Glamping Artscape 2024 @ Desaland

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

ANTARA 'USTAZ HOWARD' DAN PEMBANGUNAN NEGARA

PERNAH 'bergelut' kontroversi apabila dikatakan membuat tafsiran sendiri ayat Al-Quran, Ahli Parlimen Ipoh Timur, **HOWARD LEE CHUAN HOW** kini lebih berhati-hati dalam berbicara.

Secara hikmahnya beliau sedar dan memahami tafsiran Al-Quran memerlukan ilmu mendalam.

Menjangkau semua itu, Howard Lee diakui antara pemimpin muda yang 'digeruni' terutama ketika bersidang di Dewan Rakyat.

Petah dengan loghat Perak, bersama wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau berkongsi pelbagai pandangan selain diajak bercakap mengenai parti-parti politik dalam Kerajaan Perpaduan yang dahulunya saling bertikam lidah, kini disatukan demi negara.

YB pernah terpalit isu memetik dan membuat tafsiran sendiri ayat Al-Quran. Apa pengajaran yang YB peroleh berkait isu tersebut?

Ia menjadi pengajaran besar buat diri saya. Sampai ke hari ini, pasti ada yang panggil saya 'Ustaz Howard'. Dalam hal ini saya perlu lebih berhati-hati. Sebagai seorang yang sering menggunakan petikan daripada sumber-sumber syumul seperti Al-Quran bagi kegunaan perbahasan Parlimen dan tulisan untuk mengaitkan mesej yang baik dan inklusif, saya sedar tidak semua tafsiran yang kita kongsi dapat diterima dengan cara betul.

Bila isu ini tular, saya berpeluang bertemu ramai ilmuwan agama antaranya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd Na'im Mokhtar. Mereka menegur dengan baik dan saya amat menghargainya. Dari situ saya lebih memahami tafsiran Al-Quran memerlukan ilmu mendalam dan pengajian bertahun-tahun bersama ahli agama berkelayakan, bukannya boleh ditafsir sembarangan (walaupun hakikatnya saya berkongsi, bukannya mentafsir). Saya telah meminta maaf atas kekhilafan tersebut dan tidak akan berhenti meminta maaf, sebab biasanya, isu-isu seperti ini mudah untuk tular pada masa akan datang.

Di Dewan Rakyat, pembangkang dilihat masih belum 'move on' isu pembentukan Kerajaan Perpaduan. Ungkapan UMDAP masih jadi bahan ejekan. Pendapat YB?

Secara jujur jika kita teliti sidang Parlimen yang lepas, isu 'pembangkang tak move on' mengenai pembentukan Kerajaan Perpaduan' sudah kurang. Pertama mereka telah akur titah Yang di-Pertuan Agong mengenai pembentukan kerajaan ini. Kedua, mereka sedar 'akhirnya' tumpuan utama kini adalah untuk membangunkan negara ke arah masa depan lebih baik. Kerajaan



HOWARD LEE mahu semua pihak bersama kerajaan dalam membangunkan negara khususnya dengan penglibatan generasi muda.

Perpaduan giat menggerakkan pelbagai jentera pentadbiran bagi melaksanakan inisiatif yang dirancang. Ini merupakan tahun kedua pentadbiran dan kami telah mengambil masa mencukupi untuk meneliti serta menangani masalah legasi terdahulu.

Namun seperti kelaziman, pembangkang memainkan peranan mereka dengan membawa isu-isu tertentu. Ada antara mereka yang cekap dan berkesan dalam membangkitkan isu-isu penting di Parlimen, isu di lapangan serta isu rakyat. Ini adalah tindakan yang wajar dihormati dan dipuji. Namun ada juga Ahli Parlimen yang meskipun kelihatan sebagai 'pembangkang *high achiever*', terus memanipulasi isu-isu berkaitan Kerajaan Perpaduan serta kerjasama politik yang dibina untuk memajukan negara. Saya pun pernah berada di kerusi pembangkang dan saya faham ini adalah sebahagian daripada tugas. Namun pada masa sama, saya percaya pembangkang perlu menyokong pelbagai inisiatif yang kerajaan perkenalkan demi kebaikan rakyat yang mengundi mereka.

Bagaimana YB melihat komunikasi dan hubungan antara pemimpin-pemimpin politik di dalam Kerajaan Perpaduan? Masih ada ruang untuk diperbaiki? Maklumlah sejak sekian lama 'bermusuh', kini berkawan di dalam satu pasukan.

Dalam konteks *nation building*, tidak wujud istilah 'musuh' dalam kalangan pemimpin politik. Semua Ahli Parlimen ada tujuan yang sama, nak pastikan Malaysia jadi lebih baik. Namun masalah timbul apabila ada pihak menyalahgunakan platform politik untuk menyebarkan dakwaan memecah belahkan negara, mengkritik institusi diraja dan mempromosikan budaya politik

lama yang tak membawa kebaikan. Ini adalah sisa-sisa politik kuno yang patut kita tinggalkan. Dalam Kerajaan Perpaduan, kita sudah capai tahap kematangan yang tinggi demi rakyat dan kemajuan ekonomi negara. Apabila wujudnya kematangan politik, sudah tentu komunikasi dan hubungan antara pemimpin politik akan menjadi lebih baik berbanding politik legasi yang kita cuba jauhi. Menariknya, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim amat bijaksana dalam menguruskan Kabinet. Ruang untuk diperbaiki? Sudah tentu ada. Keharmonian ini bukan sahaja perlu wujud dalam kalangan kami di Kerajaan Perpaduan tetapi perlu disahut oleh rakan-rakan pembangkang. Hakikatnya tiada musuh di sini, hanya rakan-rakan yang ada matlamat sama untuk memajukan negara. Bila nak gaduh? Waktu kempen pilihan raya nanti. *In between, we do work for the nation.*

Setiap kali sidang Dewan Rakyat, kecoh macam di pasar malam. Ada yang kata seperti dalam zoo. Bagaimana peranan YB mencorak perbahasan yang sihat dalam Dewan Rakyat?

Komen seperti ini memang selalu kita dengar terutama di peringkat akar umbi dan media sosial. Parlimen zoo. *Animal farm*. Tapi bagi mereka yang mengatakan Dewan Rakyat ini adalah seperti zoo, besar kemungkinan mereka tidak pernah menonton secara langsung siaran Parlimen, sama ada di televisyen atau YouTube. Memang benar apabila ada isu kontroversi atau apabila beberapa Ahli Parlimen tertentu mengambil kesempatan membuat bising, suasana menjadi kecoh dan adakalanya terlalu kecoh. Namun hakikatnya saya boleh anggar kira-kira 80 peratus daripada masa perbahasan di Parlimen melibatkan perbincangan isu-isu kritikal dan teknikal, pembentangan undang-

undang serta dialog mengenai dasar-dasar penting. Isu-isu ini mungkin kurang menarik perhatian umum, tetapi ia adalah perkara yang paling signifikan dalam usaha membina negara dan ini sebenarnya adalah tugas utama Ahli Parlimen (bukan sekadar berbabas, tetapi berbabas benda yang baik-baik dan membina).

Mengenai peranan saya dalam mencorak perbahasan yang sihat, saya fikir perbahasan di Parlimen kebanyakannya sudah berada di landasan yang betul. Sepanjang saya berkhidmat sejak 2022, memang ada waktu-waktu di mana suasana sedikit tidak terkawal (saya pun punca juga), tetapi secara keseluruhannya, majoriti daripada kami menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi. Saya cabar semua untuk tonton sidang akan datang ini secara langsung.

Apa pendapat YB mengenai sikap pembangkang yang berulang-ulang mahukan Perdana Menteri letak jawatan? Ekonomi negara teruk? Keadaan rakyat susah?

Permintaan berulang kali tak jenuh-jenuh daripada pembangkang supaya Perdana Menteri letak jawatan bukanlah sesuatu yang baharu. Apabila wujud ketidakpuasan hati atau tekanan, 'letak jawatan' adalah benda pertama yang semua orang jerit. Kita perlu lihat situasi ini dengan lebih rasional, berdasarkan fakta kukuh.

Seperti mana-mana negara, Malaysia turut berdepan cabaran ekonomi global akibat kesan pandemik, ketidakstabilan geopolitik dan gangguan rantai bekalan. Ini bukan cabaran yang hanya dihadapi oleh negara ini, tetapi seluruh dunia.

Dari segi ekonomi, kerajaan telah lancar Kerangka Ekonomi MADANI yang bertujuan memulihkan ekonomi secara berterusan, mengawal inflasi serta memulihkan industri-industri

utama. Walaupun ada cabaran global, kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menunjukkan peningkatan positif.

Selain itu, usaha pengawalan inflasi terutama untuk barangan keperluan seperti makanan, telah berjaya, melalui subsidi, kawalan harga dan sokongan kepada petani untuk meningkatkan pengeluaran tempatan.

Kita tak boleh nak harapkan semua masalah selesai dalam sekelip mata, tetapi jelas terdapat usaha yang giat untuk memastikan kesejahteraan rakyat. Masalah legasi pun kita sudah berjaya tangani sedikit demi sedikit. Dalam keadaan ini, peranan pembangkang seharusnya lebih konstruktif, mengkritik dengan cadangan yang membina, bukan mendesak perubahan tak tentu hala tanpa alternatif yang jelas. Apa yang kita perlu sekarang, kestabilan politik supaya negara dapat terus bergerak maju.

Menjelang Belanjawan 2025, apa yang perlu kerajaan perkukuhkan khususnya demi kesejahteraan rakyat dan negara?

Kalau rajin ikut perbahasan saya di Parlimen, saya tidak putus-putus bercakap tentang sistem kesihatan dan kesiapsiagaan kita menghadapi cabaran status negara tua menjelang 2030. Pada saya, ini bukan setakat isu kritikal.

Ini adalah isu tentang masa depan saya sendiri lagi 15 ke 20 tahun akan datang.

Kita kena sedar, golongan ini akan sentiasa ada dalam masyarakat kita dan mereka memerlukan perhatian serta penjagaan yang khusus.

Ekonomi penjagaan ini bukanlah sekadar satu saluran ekonomi, tetapi sebuah ekosistem yang sangat berharga jika diuruskan dengan betul.

Satu lagi isu yang saya angkat adalah kesesakan di klinik-klinik kesihatan. Saya terfikir, adakah ini cara terbaik untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan? Saya percaya kita kena kaji mekanisme lain, seperti menghantar pegawai kesihatan ke rumah pesakit untuk kes-kes yang tidak memerlukan rawatan segera. Warga emas, khususnya, tidak perlu bersusah payah ke klinik, anak tak perlu minta cuti untuk teman, tak perlu lagi buang duit *order Grab*, tak perlu lagi beratur bersesak-sesak, kita bawa perkhidmatan kesihatan kepada mereka.

Saya rasa sudah tentu golongan B40 dan warga emas perlu difokuskan dalam pembentangan bajet. Saya berharap dalam Belanjawan 2025, kerajaan akan terus memberi perhatian serius kepada semua lapisan masyarakat, terutamanya mereka yang memerlukan.

Festival Realiti Terimbuh Kuala Lumpur

MURAL BERNYAWA MELALUI AR

DIANA AMIR

PUSAT Bandar Kuala Lumpur kini dihiasi dengan lapisan-lapisan interaktif yang berwarna-warni bersempena Festival Realiti Terimbuh Kuala Lumpur Augmented Reality (AR) Fest KL.

Ia sekali gus mengubah 10 lokasi terpilih di Kuala Lumpur menjadi taman permainan digital yang lebih bertenaga menerusi lebih 30 pengaktifan teknologi AR.

Festival kali ini mengetengahkan empat elemen yang cukup menarik antaranya menampilkan mural 'bernyawa' dan karya seni halus, arca digital monumental serta penceritaan sejarah secara interaktif daripada kecerdasan buatan (AI).

AR Fest KL dalam satu kenyataan berkata festival tersebut akan membawa penonton menerokai bandar menerusi lensa baharu dengan menggabungkan masa lalu, masa kini dan masa depan.

Mengulas lanjut, katanya empat program teras AR FEST KL iaitu StreetART; ARca; ARTworks dan CheritAR akan menjadi lebih bermakna apabila merentasi beberapa mercu tanda paling terkenal di Kuala Lumpur, bermula dari Balai Seni Lukis Negara; Muzium Tekstil Negara; Bangunan Sultan Abdul Samad dan Air Pancur Victoria sehingga ke Jalan Sultan, Lorong Panggung, Jalan Petaling dan



PENGUNJUNG berpeluang mencuba ARTworks menerusi telefon bimbit.

Jalan Tun H.S Lee.

"StreetART menyeru rakyat Malaysia untuk menyelami semula bandar ini dan mencipta naratif bandar baharu dengan gabungan mural dalam lukisan kanvas interaktif melalui teknologi AR. Karya menarik pelukis mural seperti Cloakwork, Co2, JimmyGummy, Kenji Chai & Quiccs, Norman Khok, Wan Jepah dan ramai lagi kini boleh diterjemah semula melalui teknologi AR, membuka kisah yang lebih

mendalam dan bertenaga serta mempunyai elemen digital yang menyeronokkan," ujarnya.

Tambahnya, penonton turut dijemput untuk menyelami gabungan seni dan teknologi yang sangat menyerlah, di mana setiap arca AR adalah cerminan semangat kepelbagaian budaya dan warisan Malaysia dengan semuanya berlatarbelakangkan bangunan The Starhill yang cukup meriah.

"Teknologi AR yang berfungsi di

sebalik StreetART dan ARca dicipta artis digital profesional, ahli teknologi kreatif, pensyarah dan pelajar dari universiti tempatan. Pencipta dipilih melalui panggilan terbuka yang diadakan pada Julai 2024 dan kreativiti serta kecemerlangan teknikal mereka akan diberi penghormatan pada majlis anugerah yang berlangsung pada penghujung November 2024," ujarnya.

Jelasnya lagi, antara pameran yang menarik bagi festival yang julung kali diadakan ini adalah ARTworks, di mana pertemuan tradisi dan teknologi.

"Melalui integrasi inovasi, lima karya seni halus ikonik iaitu 'Pago-Pago' (Abdul Latiff Mohidin); 'Malam di Langkawi' (A.J. Rahman); 'Pandangan Kamera Kumpulan Kanak-kanak Sekolah Ketawa' (Kok Yew Pua); 'Malaysian Life' (Chuah Thean Teng) dan 'Enrique de Malacca' (Ahmad Fuad Osman), dilengkapi dengan elemen interaktif bagi menawarkan penonton pengalaman terbaik demi menghargai dan berhubung dengan intipati semua karya agung ini.

"Selain itu, menerusi program CheritAR pula adalah untuk membentuk semula bagaimana

naratif Kuala Lumpur yang kaya ini diterokai melalui ahli sejarah avatar berkuasa AI.

"Terletak di tiga mercu tanda bersejarah seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Muzium Tekstil Negara dan Air Pancut Victoria, pelawat dapat menyelami kisah masa lalu tentang bandar yang menawan melalui penceritaan animasi dan teknologi interaktif serta mengubah mereka yang berjalan kaki melihat kawasan bersejarah Dataran Merdeka sebagai perjalanan menarik," jelasnya ia turut disokong oleh Program Geran Kuala Lumpur Kreatif Think City dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam mewujudkan persimpangan sejarah, budaya dan inovasi di seluruh bandar.

Terdahulu, AR Fest KL telah diadakan di 10 lokasi terpilih di sekitar Kuala Lumpur bermula 30 Ogos sehingga 30 November 2024 dan dianjurkan bersama EDT, Studio Behind 90 dan Evertreasure.

Ia turut dilaksanakan dengan sokongan rakan strategik termasuk DBKL, Think City, Filamen, GMBB, IMMERSE KL oleh MDEC, Inworld, KLIF, Festival Kreatif KL, Kwai Chai Hong, Balai Seni Lukis Negara, REXKL, The Starhill dan RUBIX Communications.

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://arfestkl.com/> atau ikuti Instagram @arfestkl.



MAIMUNAH (tengah) pada sesi kunjungan hormat di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Demi kesejahteraan

KERJASAMA. Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif menerima kunjungan hormat daripada Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Rusdi Mohd Isa pada 25 September lalu.

Menerusi kenyataan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di laman rasminya, pertemuan tersebut adalah untuk membincangkan mengenai kerjasama yang boleh dilaksanakan.

"Antara kerjasama itu antaranya dalam aktiviti kawalan dan tindakan

penguat-kuasaan kepada penaja warga asing di Kuala Lumpur serta mengenai kesejahteraan dan keselamatan warga kota," katanya.

Sementara itu, Rusdi berkata kerjasama antara dua agensi ini adalah penting untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan bandar Kuala Lumpur terjaga.

"Kami berbincang mengenai pelbagai aspek keselamatan, pengurusan lalu lintas dan penguatkuasaan undang-undang di bandar raya ini," katanya dalam

satu kenyataan.

Tambahnya, pertemuan itu juga bertujuan memperkukuh kerjasama antara Polis Kuala Lumpur dan DBKL dalam menangani isu-isu keselamatan serta pembangunan di bandar raya ini dengan harapan meningkatkan kesejahteraan dan keamanan bagi semua penduduk.

Kunjungan hormat yang diadakan di pejabat DBKL itu turut dihadiri oleh beberapa pegawai kanan Polis Kuala Lumpur.

YWP, RAC jalin kerjasama

BANGUN PROJEK KOMUNITI

DIANA AMIR



MAHADI (dua kiri) ketika kunjungan hormat ke pejabat RAC baru-baru ini.

BAGI memperkasa peranan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) sebagai sebuah institusi yang kompeten dan terkehadapan dalam aspek kemajuan warga kota, satu kerjasama telah dibentuk bersama Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Menurut Timbalan Pengerusi YWP, **Datuk Seri TPr Mahadi Che Ngah**, ia membuktikan bahawa YWP sentiasa menyokong kemajuan warga kota melalui inisiatif yang lebih berkesan dan berimpak tinggi.

Beliau berkata antara bentuk kerjasama yang telah dirangka adalah melibatkan projek pembangunan dan juga infrastruktur.

"RAC merupakan antara pemilik aset berkaitan pengangkutan di mana mereka boleh menyumbang dalam penyediaan fasiliti atau

program sokongan untuk warga kota seperti pembinaan tapak perniagaan atau kios buat usahawan mikro sekitar kawasan milik RAC.

"Untuk makluman, pihak RAC dipilih kerana ia menguruskan aset strategik berkaitan pengangkutan yang berada di bandar dan ia boleh digunakan untuk membangunkan projek komuniti berkaitan dengan infrastruktur atau penyediaan kemudahan sosial.

"Kerjasama ini juga akan memberi manfaat besar kepada YWP untuk memperkasa warga kota, khususnya golongan berpendapatan rendah dan mereka yang memerlukan dengan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik, terutamanya dalam aspek ekonomi sosial," ujarnya.

Tambah Mahadi, menerusi kerjasama ini akan membantu menaik taraf komuniti

berpendapatan rendah serta golongan usahawan terpilih sekali gus membantu menaikkan ekonomi negara.

"YWP berharap kerjasama ini akan memberikan peluang yang lebih besar khususnya kepada usahawan kecil dan sederhana untuk membangunkan perniagaan mereka.

"Selain itu, diharapkan ia dapat memberi sokongan kepada usahawan dalam bentuk latihan, kemudahan modal dan akses kepada peluang pasaran yang lebih besar," ujarnya kepada Wilayahku.

Terdahulu, Mahadi mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Pegawai Eksekutif RAC, Datuk Azhar Ahmad bertempat di Kuala Lumpur. Turut sama Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Dr Abdul Basir V Kunhimohamed.

Pelihara ekosistem

SERAMAI 250 peserta mengambil bahagian dalam Program Memburu Ikan Asing bagi mengekang populasi spesies ikan asing invasif daripada terus membanjiri perairan umum yang boleh menjejaskan spesies ikan asli.

Pengarah Kanan Bahagian Akuakultur, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), **Datuk Azahari Othman** berkata ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan ekosistem perairan.

"Program anjuran Pejabat Perikanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya dengan kerjasama RHB Bank Berhad ini merupakan sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat RHB yang melibatkan penyertaan daripada kakitangan DOF, RHB Bank Berhad dan komuniti pemburu ikan asing.

"Aktiviti utama program ini termasuk menjala ikan serta pelepasan benih ikan tempatan yang disumbangkan oleh RHB Bank Berhad. Ini merupakan langkah penting dalam usaha jabatan untuk memulihara sumber perikanan.

"Kerjasama dengan RHB Bank Berhad menunjukkan bahawa usaha pemeliharaan sumber perikanan tidak boleh dilakukan oleh pihak kerajaan sahaja tetapi memerlukan sokongan daripada sektor korporat dan semua lapisan masyarakat," ujarnya.

Beliau turut berharap agar program ini dapat meningkatkan kesedaran masyarakat tentang tanggungjawab memelihara sumber perikanan.

"Semoga selepas ini lebih ramai lagi sektor swasta turut serta dalam usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan yang dilaksanakan oleh DOF.

"Pihak kami juga sangat menghargai sumbangan dari RHB Bank Berhad bagi pelepasan benih ikan tempatan. Dengan pelepasan benih ikan ini, kita bukan sahaja berusaha untuk memperkayakan biodiversiti di kawasan berkenaan, tetapi juga memberi peluang kepada masyarakat untuk mengambil bahagian dalam usaha pemeliharaan sumber perikanan," ujarnya.

Tambahnya, dalam majlis yang sama, turut diadakan penyerahan sumbangan 20,000 benih ikan puyu dan 10,000 benih ikan lampam dari RHB Bank Berhad kepada Pejabat Perikanan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya sebagai simbolik pelepasan benih ikan yang akan dilakukan di Tasik Varsiti, Universiti Malaya dan Sungai Gombak.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RHB Banking Group, Datuk Mohd Rashid Mohamad berkata di bawah Strategi Together We Progress 24 (TWP24 RHB)

pihaknya menekankan sokongan kepada komuniti rentan termasuk golongan berpendapatan rendah (B40), melalui sokongan kepada perniagaan kecil dan inisiatif pemuliharaan alam sekitar.

"Kami berbangga menjadi sebahagian dari program ini. Pihak kami memberi tumpuan kepada ancaman spesies ikan invasif di sungai tempatan di mana aktiviti seperti ini bukan sahaja memelihara biodiversiti, malah membantu memulihkan ekosistem dan melindungi spesies ikan tempatan yang terancam.

"Ia juga dapat membantu membina hubungan antara kakitangan, pelanggan dan komuniti serta menyokong matlamat kelestarian jangka panjang dan tanggungjawab sosial korporat kami," ujarnya.

Terdahulu, Program Memburu Ikan Asing diadakan pada 28 September 2024 bertempat di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil dan mencatatkan jumlah pendaratan ikan sebanyak 159.54 kilogram (kg) bagi tilapia dan pleco.



MENJALA merupakan antara aktiviti utama dalam Program Memburu Ikan Asing bertempat di Sungai Kuyoh, Bukit Jalil.

Imbau sejarah masjid



MASJID Diraja Ala'eddin yang terletak di Kampung Bandar Jugra, Banting merupakan antara masjid yang menjangkau usia ratusan tahun. - Gambar hiasan

PENGANJURAN Bulan Pelancongan Islam (ITM) 2024 baru-baru ini dilihat dapat membantu dalam menonjolkan pelancongan Islam.

Menurut Pusat Pelancongan Islam (ITC), salah satu program yang disusun adalah Hari Terbuka Masjid dan berjaya diadakan di sembilan lokasi terpilih seluruh negara.

"Program ini mengajak para pengunjung pelbagai kaum untuk menyelami dunia seni bina masjid Malaysia sekali gus mengimbau warisan dan karya seni yang membentuk mercu tanda kerohanian pelbagai kaum.

"Diadakan pada 6 hingga 29 September 2024, Hari Terbuka Masjid diadakan di beberapa masjid ikonik terkemuka Malaysia untuk membolehkan pengunjung dan orang awam menghargai reka bentuk unik, simbolisme budaya serta kepentingan sejarah setiap masjid yang menjangkau ratusan tahun.

"Antara lokasinya adalah Masjid Sendayan, Negeri Sembilan; Masjid Ulul Albab dan Masjid Tengku Tengah Zaharah, Terengganu; Masjid Putra, Putrajaya; Masjid Sultan Idris Shah II,

Perak; Masjid Negara, Kuala Lumpur; Masjid Diraja Ala'eddin, Selangor; Masjid Negeri Pahang dan Masjid Jamek Cina Muslim Klang, Selangor," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, pengunjung juga diraikan dengan pelbagai aktiviti termasuk Ceramah Perdana, pameran Jabatan-jabatan kerajaan, sukan rakyat, kempen derma darah dan lawatan berpandu yang akan menceritakan kisah di sebalik seni bina menakjubkan merentasi pelbagai negeri di Malaysia.

Terdahulu, ITM 2024 yang berlangsung pada 16 Ogos sehingga 30 September lalu menawarkan pelbagai acara sepanjang bulan serta tawaran pelancongan kepada orang ramai, pelancong, penggiat industri pelancongan juga usahawan dalam memberikan pengalaman pelancongan Islam yang berharga dan unik di Malaysia.

Majlis Pelancaran Awal ITM 2024 telah dirasmikan oleh Pemangku Raja Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail pada 2 Ogos lalu.

Untuk rekod, ITC ialah entiti di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC).

DBP PUSAT PEMENTASAN TEATER



KU SEMAN KU HUSSAIN

SEJAK akhir ini Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dilihat amat menonjol sebagai pusat pementasan teater moden dan bangsawan di Kuala Lumpur. Keadaan itu mengingatkan kembali keberadaan DBP sebagai gedung dan penggerak teater pada dekad 1970-an dan 1980-an dulu.

Kini keadaan itu berulang kembali apabila DBP tidak sahaja menjadi tempat pertemuan dalam kalangan sasterawan dan penulis, malah penggiat-penggiat teater apabila tiga premis di DBP dimanfaatkan untuk pementasan teater. Ini satu perkembangan yang baik dalam konteks pembangunan teater berskala kecil di Kuala Lumpur.

Bakat-bakat baharu dalam pengarahannya, lakonan dan seni pentas memanfaatkan ruang yang diberikan oleh DBP sebagai salah satu sokongan daripada institusi yang mendokong tanggungjawab terhadap bahasa dan persuratan Melayu.

Ketika ini DBP mempunyai tiga ruang pementasan mengikut kapasiti tertentu, Balai Budaya Tun Syed Nasir, Auditorium DBP dan Stor Teater. Semua premis itu sesuai untuk pementasan teater atau bangsawan mengikut kapasiti seperti Dewan Tun Syed Nasir boleh memuatkan penonton yang ramai, keduanya Auditorium DBP dan untuk skala kecil dan karya yang eksperimental sesuai di Stor Teater.

Memberi peluang kepada persatuan atau pertubuhan teater menggunakan premis di DBP adalah satu bentuk sokongan yang boleh mengubah kedudukan seni pementasan, terutama yang berkaitan dengan seni dan budaya. Hal yang demikian menjadikan semua premis itu dimanfaatkan dengan sepenuhnya selain



SALAH satu babak teater Haji Murat yang dipentaskan di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Wisma DBP Jun lalu. - Foto: DBP

digunakan untuk program-program DBP sendiri.

Terbaru adalah pementasan bangsawan Megat Terawis arahan Affix Zulkarnaen Adam pada 26 hingga 29 Jun lalu di Auditorium DBP. Program Siri Bangsawan 2024 itu diteruskan dengan pementasan Puteri Maharaji pada 11 hingga 13 Oktober ini di tempat yang sama. Semua pementasan ini mendapat kerjasama DBP dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Pada 26 hingga 29 Jun lalu, Badan Budaya DBP sebuah kumpulan kesenian yang diasaskan sejak tahun 1967 mementaskan teater perdana Haji Murat yang diadaptasi dari novel sasterawan Rusia, Loy Tolstoy. Teater Haji Murat diarahkan bersama oleh Wahab Hamzah dan Aris Othman daripada naskhah

adaptasi oleh Sasterawan Negara Dr Anwar Ridhwan.

Sinergi antara Persatuan Teater Malaysia (PTM) pimpinan Sakrani Shamsuddin dengan pihak pengurusan tertinggi DBP memperlihatkan kesan yang baik dalam pembangunan seni persembahan terutama teater moden dan bangsawan. PTM kini menjadi satu-satunya persatuan teater yang aktif dalam mengembang dan melestarikan kegiatan teater di negara ini.

Kerjasama erat antara DBP dengan PTM memperlihatkan hasil yang baik dalam membangunkan teater khususnya dalam konteks pelestarian persuratan Melayu melalui teater. Kedua-dua bidang itu berperanan mempertingkatkan cakna masyarakat terhadap persuratan Melayu dan pelestarian budaya.

Hubungan DBP dan seni pementasan teater sebenarnya bukan baharu, malah telah lama berkembang dan saling bertimbal balik antara satu dengan lain. Sebagai sebuah institusi bahasa dan persuratan Melayu, DBP amat terkait dengan hal-hal pembangunan seni persembahan sama ada teater moden dan tradisional.

PERLU REALISTIK

BANYAK pertubuhan atau persatuan teater mendapat kerjasama daripada DBP untuk membuat pementasan terutama daripada segi tempat pementasan. Hal itu merupakan sokongan yang cukup besar disebabkan tidak semua persatuan mempunyai kemampuan menyewa ruang pementasan yang agak mahal.

Bagaimanapun tidak dinafikan bahawa banyak juga pementasan teater yang dibuat di premis yang disewa daripada pihak swasta. Itu satu usaha mandiri yang amat

baik. Pada sudut yang lain pula dokongan oleh pihak seperti DBP juga mempunyai manfaat yang tersendiri misalnya meringankan beban biaya sesetengah persatuan untuk mementaskan teater.

Pendekatan yang diambil oleh DBP itu juga sebenarnya membantu usaha pihak-pihak berkaitan teater, misalnya JKKN. Kerjasama erat antara kedua-duanya, DBP dan JKKN memberikan manfaat yang besar dalam usaha memantapkan seni teater khususnya di Kuala Lumpur.

Kita perlu realistik bahawa tidak semua persatuan atau pertubuhan teater mempunyai kemampuan kewangan untuk menjalankan kegiatan, terutama apabila berdepan kadar sewa premis yang agak tinggi. Mementaskan teater di negara ini, termasuk Kuala Lumpur adalah kegiatan sosial yang bercorak kebahasaan, seni dan budaya.

Oleh sebab itu tidak boleh melihat semua pementasan teater sebagai satu cabang yang menjana ekonomi kepada penggiatnya. Pertembungan tuntutan ekonomi sering kali mengatasi keperluan daripada segi nilai yang dibawa dalam sesebuah pementasan.

Maka dalam konteks itu, sokongan oleh pihak seperti DBP terutama dalam bentuk memberi ruang pementasan sudah pasti membolehkan karya-karya yang baik dapat dipentaskan tanpa perlu mengorbankan nilai kerana tuntutan ekonomi. Setidak-tidaknya tidak terbeban sewa tempat pementasan yang menelan biaya yang besar.

Dalam keadaan ini, DBP yang mempunyai premis yang sesuai untuk pementasan adalah alternatif yang amat tepat lagi berharga bagi kumpulan teater tempatan. Cara itu telah memberikan peluang kepada kumpulan teater kecil yang mempunyai semangat besar untuk berkarya sekalipun tidak mempunyai biaya yang besar.

Kehadiran DBP sebagai tempat pementasan tidak hanya menyokong ekosistem seni teater, tetapi pada masa yang sama memberi laluan kepada banyak bakat baharu mengembangkan kemampuan hingga peringkat yang lebih tinggi. Hal itu kerana banyak program teater di DBP memberikan peluang penyertaan kepada pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Teater perlu kembali rancang seperti dekad 1980-an dengan pementasan yang tidak pernah putus di Kuala Lumpur. Ketika itu terdapat banyak kumpulan teater yang aktif di Kuala Lumpur memanfaatkan Panggung Drama di Jalan Bandar. Sekarang bangunan Panggung Drama menjadi sebahagian daripada pejabat JKKN Wilayah Persekutuan.

Seingat saya hanya itulah tempat pementasan yang tidak berbayar di Kuala Lumpur dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh banyak kumpulan teater. Panggung Drama yang diuruskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa penuh dengan kegiatan teater iaitu latihan dan pementasan.


Kini, pementasan teater berskala kecil perlu diadakan secara berterusan, terutama di Kuala Lumpur. Perkembangan teater tidak diukur pada pementasan yang bertaraf mega sahaja, akan tetapi yang skala kecil tetapi berterusan. Teater beginilah yang membawa khalayak dekat dan kenal dengan seni teater yang sebenar.

DBP dan DBKL yang menyediakan ruang pementasan di Panggung Bandaraya Lama adalah suatu usaha yang amat menyumbang pada kelestarian kegiatan teater di Kuala Lumpur. Sebelum ini Panggung Bandaraya Lama banyak digunakan untuk program pementasan teater tradisi bangsawan yang dikendalikan oleh JKKN.

RAGAM KOTA

MATOMATO


JERAT ALONG



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 282 . 4-10 OKTOBER 2024



BILA NASI

jadi buber

HENTI DISKRIMINASI MASA SILAM

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

ANAK yang ditatang bagaikan minyak yang penuh sejak kecil apabila dewasa menconteng arang ke muka ibu bapa. Sudah tentu ia suatu situasi yang sangat perit untuk diterima oleh sesiapa sahaja di dunia ini.

Itu belum lagi perlu berdepan dengan stigma masyarakat yang memandang serong apabila anak yang disayangi hamil luar nikah. Dek kerana itu ada sesetengah ibu bapa yang hilang pertimbangan sehingga sanggup memutuskan hubungan pertalian darah antara mereka.



RIZA

Biarpun berat untuk ditelan namun keluarga mahupun masyarakat perlu membuang persepsi negatif sebaliknya melihat kumpulan itu sebagai golongan yang perlu dibantu kerana ada di antara mereka masih mempunyai masa hadapan yang cerah.

Menurut Pengurus Advokasi dan Komunikasi Yayasan OrphanCare, **Riza Alwi**, semangat gadis yang terjebak dengan situasi malang ini bukan sahaja perlu dipulihkan malah mereka wajar diberi peluang kedua lebih-lebih lagi sebilangannya mempunyai latar belakang keluarga serta pendidikan yang baik.



“Setiap manusia di muka bumi ini pernah melakukan kesilapan tetapi bagaimana cara untuk memastikan perkara itu ditebus serta perlu menjadi perkara paling penting dalam kehidupan masa hadapan.

“Di OrphanCare kita sentiasa mengalu-alu mereka yang mahu dibantu dan tidak akan sesekali mendiskriminasikan masa silam. Ini kerana kita tahu kesinambungan hidup dan masa depan mangsa serta anak mereka adalah perlu diutamakan.

“Disebabkan itu, selain menyelamatkan bayi yang dikandung, perkara yang menjadi keutamaan adalah memastikan semangat gadis ini dibina semula dan mereka dapat meneruskan kehidupan seperti orang lain walaupun pernah membuat kesilapan.

“Apabila seseorang wanita hamil luar nikah, kita tidak boleh terburu-buru untuk menghukum. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Ada yang merupakan mangsa rogol atau mangsa keadaan dan ada juga yang telah melakukan kesalahan besar dalam hidupnya.

“Kita juga tidak boleh menilai berdasarkan umur. Kes hamil luar nikah bukan hanya berlaku kepada golongan muda malah terdapat kes di mana wanita berusia antara 25 hingga 30 tahun turut terlibat. Yang lebih mengecewakan, walaupun lelaki yang bertanggungjawab menyebabkan kehamilan, perempuan yang sering kali dipersalahkan.

“Memang mereka melakukan kesilapan tetapi cukuplah menjatuhkan hukuman kerana kebanyakan mereka adalah mangsa.

“Kebanyakannya termasuk mangsa rogol tidak mengenal apakah itu seks, apakah perlindungan ketika hubungan intim

berlangsung serta mangsa terjebak dengan situasi tanpa kerelaan.

“Mereka sudah dihukum apabila berdepan dengan situasi itu dan tidak perlu menambah berat hukuman diterima. Mereka sudah melalui tahap yang begitu rendah dalam kehidupan mereka dan jika dibantu sedemikian, merekalah yang paling kuat dan cekal untuk terus hidup,” ujarnya.

Tambahnya, gadis yang mengandung anak luar nikah sekiranya dibantu biasanya akan menjadi individu yang begitu cekal dalam meneruskan kehidupan.

“Banyak sudah berjaya dan meneruskan cita-cita mereka, malah menjadikan pengalaman hidup sebagai batu loncatan untuk menjadi seperti orang lain,” ujarnya.

Riza menegaskan masyarakat harus melihat gadis ini sebagai mangsa dan bukannya menuduh mereka sebagai penzina yang sangat berdosa di sisi agama.

PETI SELAMAT BAYI

Di Malaysia, terdapat lapan *baby hatch* yang disediakan oleh OrphanCare yang mana organisasi tersebut mempunyai tiga pejabat utama yang terletak di Petaling Jaya, Sungai Petani dan Johor Bahru.

Sejak penubuhannya, OrphanCare telah berjaya menyelamatkan 604 bayi. Daripada jumlah tersebut, 106 bayi telah ditempatkan di dalam *baby hatch*.

“Alhamdulillah sehingga ke hari ini kita berjaya menyelamatkan 604 nyawa bayi yang tidak berdosa. Sepatutnya ada 604 lelaki yang perlu bertanggungjawab namun kerana sikap tidak bertanggungjawab inilah OrphanCare memainkan peranan untuk membantu membina semula kehidupan wanita-wanita ini.

“Ramai yang beranggapan bahawa *baby hatch* merupakan tempat untuk membuang bayi. Sebaliknya, ini merupakan peti untuk menyelamatkan bayi.

“Matlamat utama *baby hatch* ini adalah untuk melindungi bayi daripada dibuang atau digunakan dalam keadaan berbahaya. Walaupun dalam situasi yang penuh ketakutan, *baby hatch* menawarkan tempat selamat untuk ibu meninggalkan bayi mereka tanpa sebarang soal jawab,” ujarnya.

Riza berkata terdapat pelbagai punca pembuangan bayi dan ada yang berpunca daripada kurangnya pendidikan agama.

“Ramai antara wanita yang terlibat dalam kes ini adalah wanita Islam termasuk mereka yang berpendidikan tinggi dan merupakan pelajar universiti.



Walaupun begitu, faktor pergaulan yang kurang bijak turut menyumbang kepada masalah ini.

“OrphanCare berperanan besar dalam mengurangkan masalah ini dengan memberi sokongan, kaunseling dan penyelesaian kepada mereka yang memerlukan. Kita juga memberi tumpuan untuk memastikan bayi yang diselamatkan tidak dihantar ke rumah anak yatim kerana kehidupan di situ agak terhad. Sebaliknya, mereka berusaha mencari keluarga angkat bagi memberikan peluang kehidupan yang lebih baik kepada bayi-bayi ini.

Tambahnya, buang bayi adalah jenayah dan disebabkan itu masyarakat atau orang terdekat perlu berusaha memastikan tiada tambahan tekanan ke atas golongan tersebut.

“Sekiranya anda tidak mampu menyokong secara mental, serahkan gadis itu kepada pihak yang mampu menyokongnya kerana di Malaysia ada banyak badan bukan kerajaan (NGO) yang menyediakan perkhidmatan sokongan antaranya Rumah Nur.

BERI TUMPUAN PENDIDIKAN SEKSUAL

MEMANDANGKAN kes luar nikah membabitkan remaja yang tidak berpenghujung, baik remaja perempuan mahupun lelaki perlu didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang mencukupi berhubung pendidikan seksualiti serta kesihatan reproduktif.

Riza berkata pendidikan kesihatan reproduktif tersebut supaya mereka lebih bersedia dan bertanggungjawab untuk tidak

terjerat dengan perbuatan hamil luar nikah.

“Selain itu, pengajar mestilah tidak prejudis dalam memberikan maklumat kepada remaja dan tidak menghakimi remaja yang terlibat dalam tingkah laku berisiko. Inilah yang dipanggil stigma dan ini akan menjauhkan remaja daripada mendapatkan maklumat dari sumber yang betul,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata maklumat dan panduan untuk ibu bapa mengenai pendidikan kesihatan reproduktif yang sesuai untuk dibicarakan bersama anak boleh didapati secara percuma daripada pelbagai sumber yang sah, tidak kira melalui program fizikal atau atas talian.

“Ibu bapa perlu jelas menyatakan peraturan dan nilai dalam keluarga dan pada masa sama, memberi anak ruang untuk memberi pandangan selain ibu bapa perlu bersedia untuk menyensuikannya mengikut keperluan.

“Pada kebanyakan masa, ibu bapa tidak bersikap terbuka dan mengelak daripada berbicara mengenai kesihatan reproduktif. Ini menyebabkan anak remaja banyak berahsia dan akan belajar daripada sumber lain disebabkan sifat ingin tahu mereka yang tinggi. Keadaan akan menjadi lebih rumit apabila mereka ingin mencuba apa yang mereka pelajari daripada sumber salah.

“Tugas mendidik anak remaja kita bukan hanya terletak kepada guru, ibu bapa dan kerajaan. Ia juga tugas kepada semua masyarakat termasuk badan korporat. Anak remaja adalah aset negara yang akan menjadi tenaga kerja bagi menggerakkan serta memimpin negara kelak,” ujarnya. 

CIRI-CIRI PERGAULAN BEBAS:



Memiliki rasa ingin tahu yang berlebihan terhadap hal-hal negatif.

Menggunakan bahan terlarang seperti dadah untuk memenuhi keinginan.

Sering menonton pornografi sehingga melakukan seks bebas.

Minum minuman keras.

Mudah mengalami kegelisahan, tidak sabar, terlalu beremosi, selalu ingin melawan atau rasa malas.

FAKTOR PERGAULAN BEBAS:



CARA MENGHINDARI PERGAULAN BEBAS

- Bersikap optimis dan percaya pada diri.
- Melakukan aktiviti yang mendatangkan manfaat.
- Memiliki dan menjaga pola keseimbangan hidup.
- Selektif dalam memilih rakan.
- Membentuk dan memiliki karakter yang positif.



Jauhi episod dosa

GENERASI muda wajar menyedari bahawa perbuatan zina akan meruntuhkan sesebuah tamadun walau semaju mana pun tamadun itu.

Iman dan ilmu adalah benteng kepada umat, justeru itu, generasi muda mesti membina dan memupuk iman serta ilmu dalam membina jati diri bagi menguatkan rohani dan jasmani khususnya dalam mendepani cabaran masa kini yang menggila.

Menurut Ketua Unit Pengurusan Dakwah Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Selangor, **Zulkhairi Jaid**, terjebak ke lembah ketelanjuran atau zina hanya akan membunuh masa depan generasi muda jika ia tidak dicegah dari awal.

"Kembali kepada panduan Al-Quran dan As-Sunnah adalah ubat paling mujarab dalam merawat penyakit sosial ini," ujar beliau kepada Wilayahku.

Memahami lumrah manusia untuk bercinta, Zulkhairi berkata jatuh cinta dan bercinta itu tidak salah namun cara pasangan tersebut itu yang membuatkan mereka terjerumus ke lembah zina atau sebaliknya.

"Sebagai contoh dahulu apabila Saidatina Khadijah jatuh cinta lalu dikirim orang untuk menyatakan rasa hati kepada Nabi Muhammad SAW. Namun apa yang berlaku kini adalah kebanyakan pasangan yang bercinta telah melanggar syariat di mana pergaulan yang bebas telah membuka jalan perzinaan sedangkan Allah telah memberi amaran akan jatuh ke lembah hina zina jika tidak mematuhiya tidak kira setebal mana iman kita.

"Firman Allah dalam Surah Al-Isra ayat 32: *Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya*

zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).

"Sabda Nabi Muhammad SAW maksudnya: *Ketahuilah bahawa tidaklah berdua-duaan seorang lelaki dan seorang perempuan itu melainkan yang ketiganya adalah syaitan.* Riwayat Al-Tirmizi (2165)," ujarnya.

Mengulas lanjut, Zulkhairi berkata terlalu banyak keburukan yang timbul akibat perbuatan zina sama ada terhadap individu, masyarakat mahupun sesebuah institusi.

"Zina akan membawa pelbagai kerosakan dari seorang individu hinggalah dalam kehidupan masyarakat dan negara. Kita telah melihat bagaimana masyarakat barat yang sedang melalui keparahan dalam institusi masyarakat hingga dilihat terkebil-kebil mencari penyelesaian dan munculnya pelbagai penyakit akibat daripada budaya zina yang merebak dan berakar dalam masyarakat mereka," ujarnya.



ZULKHAIRI

Jelasnya lagi, sebagai hamba walau apa pun dosa yang dilakukan maka taubat adalah jalan wajib bagi setiap pendosa.

"Jika sudah terlanjur maka hendaklah bertaubat dan segera mencari jalan agar tidak lagi mengulangi episod dosa tersebut. Allah itu Maha Pengampun dan Penyayang sentiasa mengampuni dosa.

"Firman Allah lagi maksudnya: *Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukanNya (dengan sesuatu apa jua), dan akan mengampunkan dosa yang lain dari itu bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan SyariatNya).* Surah al-Nisa' (48)

"Para ulama bersepakat bahawa hukuman ke atas penzina yang sudah bertaubat gugur selagi mana perbuatan tersebut tidak diadukan kepada hakim. Justeru, perbuatan yang lalu itu termasuk dalam perkara yang disembunyikan aibnya oleh Allah SWT dan ini menunjukkan bahawa Allah masih memberinya peluang untuk bertaubat kerana pintu taubat sentiasa terbuka," ujarnya.



Sesal seumur hidup

BERGELAR ibu merupakan hal yang terindah dalam hidup namun sekiranya ia disebabkan keterlanjuran pastinya perkara itu bertukar menjadi tekanan dan bebanan bukan sahaja kepada diri sendiri bahkan menyeret keluarga ke lembah yang amat memalukan.

Itu yang dirasai oleh **Aina**, 22, yang mengakui terleka dengan keseronokan di alam cinta sehingga rela menyerahkan segalanya termasuk kehormatan diri meskipun baru tiga bulan mengenali teman lelaki.

"Kami mula berkenalan menerusi media sosial dan kerap berjumpa pada hujung minggu. Hubungan kami sangat mesra sehingga akhirnya terlanjur. Waktu itu saya takut tetapi apabila dia berjanji akan kahwin, saya rasa lega.

"Dalam masa yang sama, saya mengandung. Saya tak tahu nak buat apa, apabila berterus terang

tentang kandungan ini, teman lelaki terus menafikan anak dalam kandungan saya. Malah tak lama selepas itu dia berkahwin dengan pilihan keluarganya," katanya.

Berkongsi lanjut, Aina berkata dia yang hilang arah bersyukur kerana kedua orang tuanya tidak terus membuang dirinya meskipun perkara tersebut membawa kekecewaan yang mendalam buat mereka.

"Dengan sokongan ahli keluarga saya mampu untuk teruskan kehidupan sehingga kini dan sejarah hitam itu akan terus tersisa dalam diri ini namun ia tidak akan menjadi penghalang untuk saya terus istiqamah dalam menjadi insan diredai Allah SWT," ujarnya.

Sementara itu, bagi wanita yang dikenali dengan panggilan Sarah berkata sikap liarnya memakan diri apabila terlanjur dengan teman lelaki seterusnya dia dihalau oleh keluarga.

Mengimbu peristiwa malang itu, wanita berusia 22 tahun tersebut berkata ibu bapanya sudah mendidiknya dengan baik namun disebabkan pengaruh rakan serta darah muda membuatnya terikut-ikut dengan cara hidup yang salah.

"Kebiasaannya saya akan tipu ibu bapa setiap kali keluar rumah dengan mengatakan saya mahu menyiapkan tugas namun hakikatnya saya menghadiri parti liar.

"Selepas dapat tahu tentang kehamilan ini, mereka terus menghantar saya ke rumah perlindungan wanita dan sehingga kini mereka tidak pernah bertanya khabar. Mungkin mereka terlalu kecewa namun saya tidak salahkan mereka. Insya-Allah satu hari nanti saya akan mencari mereka untuk meminta maaf dan menebus semula kesalahan," kongsiya.

Menangani KEHAMILAN REMAJA

Tindakan yang boleh diambil sekiranya berlaku kehamilan atau terlanjur



Hubungi Talian Kasih 15999.



Dapatkan bantuan segera dari klinik atau hospital kerajaan terdekat.



Dapatkan bantuan khidmat sokongan dan bimbingan daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah terdekat.



Dapatkan bantuan perlindungan di Rumah Perlindungan Kanak-kanak dan Remaja Hamil Luar Nikah.

Senarai rumah perlindungan sila layari: www.jkm.gov.my







Ekspo Kucing 2024 Juri tumpuan

SYUQQREE DAIN

Video: HASIF HALIMI

LEBIH 20,000 peminat kucing menyerbu Ekspo Kucing 2024 bagi bertukar-tukar pendapat serta mendapatkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar mengenai cara penjagaan kucing daripada pakar.

Menariknya dalam acara yang berlangsung selama dua hari itu, Kelab Kucing Malaysia turut mengadakan Pertandingan Kucing Antarabangsa yang dinilai oleh juri profesional dari Norway dan Republik Czech.

Enam kategori dipertandingkan dan mendapat penyertaan lebih 250 ekor kucing daripada pelbagai jenis baka eksotik yang unik dan sukar dijumpai.

Pelbagai aktiviti turut diadakan pada ekspo kucing terbesar yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) baru-baru ini antaranya pameran serta jualan produk kucing dengan harga berpatutan.

Terdapat juga beberapa pusat perlindungan haiwan yang mengadakan kempen kebajikan seperti acara pengambilan kucing untuk dijadikan haiwan kesayangan sekali gus membantu menyelamatkan lebih banyak haiwan comel yang tidak bernasib baik di luar sana. 🐾



CENDOL KERUPANG SATUKAN KAUM

KHAIRUL IDIN

CENDOL merupakan pencuci mulut yang begitu popular dalam kalangan rakyat Malaysia. Malah ia juga diisytiharkan sebagai makanan warisan negara oleh Jabatan Warisan Negara Malaysia.

Bukan sahaja memiliki keunikan tersendiri bahkan pencuci mulut yang mudah didapati di Pulau Pinang, Melaka dan Kuala Lumpur ini mempunyai peminat dalam kalangan pelbagai bangsa dan lapisan masyarakat.

Melaluinya juga dapat menghimpunkan pelbagai kaum dalam satu masa di mana mereka mampu duduk bersama-sama di bangku sambil menikmati keenakan juadah yang tidak dapat disangkal lagi.

Menyedari banyak kelebihan pada pencuci mulut ikonik tersebut maka tidak hairanlah **Rajashwaree Maniam**, 63, memilih cendol untuk dijadikan sumber pendapatan utamanya sejak 19 tahun lalu.

Bercerita lanjut kepada Wilayahku, ibu kepada tiga orang cahaya mata ini berkata di awal perniagaannya, dia nekad membawa resipi dari Pulau Pinang ke Labuan kerana yakin dengan sambutan pelanggan terhadap juadah tradisi itu.

“Saya mempertaruhkan resipi

asli dari Semenanjung sejak dahulu lagi kerana rasanya yang tidak dapat ditandingi. Kesedapannya bertambah apabila menggunakan air santan asli berbanding air santan segera yang mudah didapati dan biasanya dijual dalam kotak.

“Jika kita gunakan santan asli, kepekannya memang tiada tandingan, rasa dan bau dia mampu membangkitkan selera. Bukan sahaja menggunakan santan asli tetapi saya juga turut menyediakan ais batu sendiri.

“Saya lebih puas hati dengan air tangan sendiri kerana kepuasan itu jelas apabila pelanggan memberi maklum balas positif dengan hasilnya,”

ujarnya.

Tambah anak kelahiran Kedah ini, setiap hari dia menggunakan lebih lima kilogram (kg) tepung dan 10 kg santan untuk menghasilkan cendol yang mempunyai enam perisa.

“Selalunya setiap kali selepas pulang berniaga, saya akan membuat cendol dan perah santan. Jika dahulu saya akan hasilkan cendol yang lebih banyak tetapi sekarang agak terhad memandangkan usia yang sudah tua.

“Walau bagaimanapun, saya tetap gembira kerana mampu

menjual sehingga 300 mangkuk cendol pelbagai perisa antaranya kacang merah, pulut dan cincau,” ujarnya puas hati.

Memulakan perniagaan dengan modal RM500 lebih satu dekad lalu, Rajashwaree berkata banyak kenangan manis sepanjang berniaga cendol di gerai yang terletak di Kampung Kerupang itu.

“Masa membuat keputusan untuk menjual cendol di pulau ini, saya mengambil masa selama satu tahun untuk cuba menghasilkannya setanding dengan cendol popular yang terdapat di Pulau Pinang.

“Biarpun nampak mudah namun saya perlukan masa yang panjang untuk mengatasi segala kekurangan yang ada sehinggalah ramai yang mengakui keenakannya

barulah saya berani untuk menjualnya,” ujarnya.

Ceritanya lagi, di warung cendol itu jugalah menemukannya dengan pelanggan yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama.

“Sambil menikmati cendol, kami berbual, bergelak ketawa dan berkongsi rasa. Biasanya mereka akan datang lebih daripada sekali menjadikan hubungan saya dan pelanggan akrab.

“Pastinya saya amat bersyukur

kerana melalui perniagaan ini juga dapat menyatupadukan semangat perpaduan masyarakat majmuk. Sokongan pelanggan kepada saya membuktikan rakyat di negara ini hidup dalam suasana harmoni di bawah satu rumpun,” ujarnya lagi.

Bukan sahaja masyarakat tempatan bahkan gerainya itu turut menjadi pilihan pelancong yang datang bercuti di pulau itu. 



RAJASHWAREE



RAJASHWAREE mempunyai resipi tersendiri dalam penyediaan cendol.

Info



Kampung Kerupang, Labuan



Setiap hari kecuali Isnin



RM5.50 hingga RM9

KEBENARAN AMAT MENYAKITKAN



KEBENARAN mempunyai harga yang sangat tinggi, yang perlu dibayar untuk keselesaan dan kepuasannya. Betapa sukarnya bagi seseorang hidup dalam kehidupan, di mana kebatilan mengatasi kebenaran. Sebagaimana segelintir manusia melakukan kerja mereka yang membina kebatilan di atas kebatilan, sedangkan di permukaannya kebenaran dibuktikan sebagai kebenaran atas nama agama, pemalar dan hujah-hujah lemah yang lain berkata:

"Jika kamu mahu untuk mengawal orang yang jahil, hendaklah kamu menutupi setiap kebatilan atas nama agama." Berapa ramai orang yang licik melakukan ini, dengan cepat mendalihkan pendapat mereka dengan ayat-ayat Al-Quran dan hadis-hadis Nabi, tanpa pemahaman yang benar tentang tafsiran ayat itu atau pemahaman yang betul tentang makna teks hadis tersebut.

Sebahagian mereka dengan cepat meletakkan kritikan juga hukuman berikutan percanggahan pendapat yang patut diteliti, ditegaskan dan diperbetulkan. Sedarkah kita, tergesa-gesa dalam perkataan dan perbuatan adalah lebih berbahaya kepada negara dan agama daripada musuh yang paling besar dan orang yang menggunakan alat kebenaran untuk menegakkan kebatilan adalah pencetus ketidaksejahteraan.

Kebenaran sentiasa jelas dan hanya orang yang berjiwa besar mendapat petunjuk, yang mengikuti setiap perkataan yang membawa kepadanya. Ia jauh dan hanya dapat dicapai oleh mereka yang berusaha dan bersusah payah, sama dengan kesenangan untuk mencapainya adalah mudah, mencapainya dalam sekelip mata, semua jalan berturap menuju ke sana dan persoalannya betapa kerap, kebenaran bercampur dengan kebatilan?

Tidaklah aneh dalam apa pun, kerana kita adalah manusia dan semestinya lemah. Seringnya, setiap orang yang menyeru kepada kebatilan disambut dengan sorakan

dan sokongan. Namun, tidak ada kebangkitan untuk kebatilan kecuali lalai dalam kebenaran, sebagaimana kata Al Ghazali:

"Kekalahan datang dari dalam diri kita, kitalah yang menciptanya dan tidak ada yang lain."

Ini bersesuaian dengan firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa ayat 135:

"Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu menjadi manusia yang sentiasa menegakkan keadilan, lagi menjadi saksi (yang menerangkan kebenaran) kerana Allah, sekalipun terhadap diri kamu sendiri atau ibu bapa dan kaum kerabat kamu. Kalaupun orang (yang didakwa) itu kaya atau miskin (maka janganlah kamu terhalang daripada menjadi saksi yang memperkatakan kebenaran disebabkan kamu bertimbang rasa) kerana Allah lebih bertimbang rasa kepada keduanya. Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan. Dan jika kamu memutar-balikkan keterangan ataupun enggan (daripada menjadi saksi), maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

PENGEPAM MEDIA

TIDAK dinafikan, kita hidup dalam dunia terbuka yang terdedah kepada isu sentimen juga polemik, apalagi dengan perkembangan teknologi, media sosial dan kecerdasan buatan (AI), agar 'pengepam media' dengan keadaan yang sebenarnya untuk sampai kepada semua masyarakat, merentasi sempadan geografi dan politik.

Namun, persoalan yang sering timbul, bagaimanakah seseorang itu dalam menghadapi ribut media ini, membezakan antara kebenaran dan pembbohongan? Apakah yang mendorong seseorang itu untuk berbohong dan memutarbelitkan fakta? Bolehkah menyembunyikan atau memalsukan kebenaran dibenarkan untuk alasan yang baik?

Dengan kata lainnya, bolehkah

kita hidup tanpa perlu berbohong demi tujuan yang benar? Hakikatnya, kebenaran mesti diberitahu dan diisytiharkan, bukan hanya dipelajari. Sedarkah kita, kehidupan yang kaya dengan pengalaman sepanjang sejarah, telah mengajar diri bahawa kejahatan kadang-kadang boleh menjadi hamba kebaikan dan kesakitan boleh menjadi satu cara rawatan penyembuhan.

Di antara sekian banyak umat Islam ini, tentu akan ada seseorang atau sekumpulan yang diperingatkan Allah SWT untuk menyampaikan kebenaran dan menyebarkannya, tidak lain dan tidak bukan kerana agama yang mulia ini, tidak bergantung kepada sesiapa pun, tidak kira berapa hari atau berapa tahun telah berlalu sesuatu itu.

TIADA KOMPROMI

MAJALAH Perancis Question de Philo mengupas isu yang dikeluarkan pada musim luruh tahun 2023 lalu, di bawah tajuk Menolak Pembbohongan - Bolehkah Kita Hidup dengan Kebenaran?

Persoalan yang timbul, apakah yang menyebabkan seseorang itu berbohong? Apakah yang menghalang diri daripada hidup dengan kebenaran?

Menurut kupasan itu, salah satu sebab seseorang itu berbohong adalah kerana takut akan hukuman yang tidak adil, kurang pemahaman, mengabaikan dan pengecualian. Oleh itu, individu itu mencipta alasan tertentu untuk dirinya sendiri bersandar. Tetapi disebabkan melakukannya sekali, menjadikannya terdorong untuk sering berbohong.

Kedua, ketakutan individu itu akan menunjukkan kelemahannya, kerana kita adalah manusia dan sifat mendorong seseorang untuk tunduk kepada orang lain agar mereka menerima dirinya, walaupun kadang-kadang terpaksa berbohong untuk menjaga reputasi di hadapan orang lain.

Ketiga, seseorang itu mungkin

berbohong untuk hidup bersama dengan lebih baik.

Keempat, apa yang mendorong seseorang untuk berbohong adalah apa yang dipanggil 'kebenaran yang kejam' kerana kebenarannya tidak selalu boleh diterima kerana ia boleh membahayakan mereka yang terlibat.

Kebenaran selalunya menyakitkan pendengar dan juga pembicaranya. Oleh itu, sebahagian masyarakat hidup berdasarkan beberapa rahsia dan pembbohongan. Namun, hanya kerana kebenaran itu menyakitkan dan merosakkan, adakah ia perlu menjadi alasan yang mencukupi untuk tidak menyatakannya?

Kelima, ilusi mencipta kehidupan peribadi kerana sesetengah orang hidup dengan pembbohongan untuk mencipta kehidupan yang lebih baik bagi diri mereka sendiri. Ada orang yang boleh hidup dengan pembbohongan sepanjang hidupnya. Menurut pakar psikoanalisis, Pascal Neveu, pembbohong itu hidup melalui pandangan orang lain terhadapnya dan cuba dilihat oleh orang lain sebagai yang ingin dikenali oleh orang ramai.

Majalah National Geographic memetik kata-kata seorang pakar dalam bidang etika di Universiti Harvard Cecilia Bock, berbohong adalah salah satu cara paling mudah untuk mendapatkan pengaruh berbanding cara lain berbohong untuk mendapatkan wang atau kekayaan seseorang adalah lebih mudah daripada memukulnya atau merompak bank.

Barangkali, sukar untuk mengetahui hikmah atau manfaat dan kemudahan yang akan diperolehi daripada mendedahkan semua pembbohongan, tetapi yang pasti dunia akan kelihatan berbeza sama sekali daripada sekarang.

Siapa yang memiliki kebenaran? Apakah hubungan antara pembbohongan dan ego? Bilakah kita berhenti membezakan antara realiti dan penipuan? Mewujudkan satu usaha pengesanan berdasarkan tiga kategori utama pembbohongan

boleh menjadi amaran untuk memahami sama ada seseorang itu telah meninggalkan dunia pembbohongan untuk melindungi diri atau tenggelam dalam penafian kewujudan sendiri?

TIMBANG WAJAR

SIAPA pun kita, seharusnya lebih peka dalam perkara-perkara yang melibatkan sensitiviti masyarakat. Setiap tindakan, kata-kata perlu didahului dengan pertimbangan terwajar dan hikmah agar pembbohongan mampu kita sekat di dunia ini. Walaupun sukar, namun ia perlu untuk kesejahteraan yang berpanjangan bagi meraih keredhaan Allah SWT.

Kebenaran mungkin menyakitkan dan keras, tetapi kesan apabila mengetahui bahawa seseorang itu telah memböhongi diri sendiri adalah lebih kejam dan mengejutkan, terutamanya apabila seseorang mendapati bahawa dirinya adalah mangsa pembbohongan yang menjejaskan perjalanan dalam hidupnya hingga menyebabkan dirinya hilang kepercayaan kepada orang lain.

Walaupun menyatakan kebenaran sesuatu yang mencabar, ia tetap penting untuk kesihatan peribadi dan masyarakat. Dalam era maklumat ini, kemampuan untuk membezakan fakta dari fiksi dan keberanian untuk bercakap benar adalah kemahiran yang sangat berharga.

Menjelaskan kebenaran mungkin tidak selalu mudah, tetapi ia adalah langkah penting dalam membina dunia yang lebih adil dan beretika. Sebagai individu dan masyarakat, kita perlu terus menghargai dan memperjuangkan kebenaran, walaupun ia sukar.

Sedarkah, kita hidup di zaman ketika kebenaran amat sukar diterima apalagi dijelaskan? Tetapi, teruskanlah memperjuangkannya.

PENULIS Atriza Umar merupakan **Felo Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara (NASR).**

ANAK MUDA PERLU BERANI



HAMZAH (kiri) dan Safwan menyeru anak muda dan pekebun buka minda pelajari teknologi baharu.

ANAK muda dan pekebun kecil digesa untuk berani mencuba teknologi baharu dalam penggunaan baja di sektor pertanian memandangkan teknologi nano melibatkan penjimatan kos dan tenaga.

Malah ketika ini produk baja MQH Resources Sdn Bhd (MQH) atau dikenali sebagai FastGrow Fertilizer yang diusahakan oleh empat usahawan Bumiputera yang terdiri dalam kalangan anak muda telah berjaya menarik negara luar untuk menggunakannya.

Menurut Pengarah pemasarannya, **Hamzah Hamid** antara negara luar yang mengimport produk baja cecairnya

itu adalah Thailand, Brunei dan Indonesia.

“Kalau negara luar harga teknologi kita cipta kenapa pekebun Malaysia tidak lihat perkara ini secara mendalam. Apa saya harapkan pekebun membuka minda pelajari teknologi-teknologi baharu.

“Teknologi pertanian kita seperti penanaman padi sudah ke hadapan dengan menggunakan dron tetapi dalam pembajaan kita masih guna teknologi lama sedangkan ada teknologi baharu yang boleh ubah sistem pembajaan,” katanya kepada Wilayahku.

Hamzah berkata demikian ketika ditemui di Pameran Pertanian

Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2024 pada 11 hingga 22 September lalu di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS).

Mengulas lanjut, Hamzah berkata pekebun kecil perlu berani berubah menggunakan baja secara konvensional kepada teknologi nano.

Beliau berkata teknologi nano bagus kerana tidak perlu membuang masa dan tenaga selain tidak merosakkan alam sekitar.

Sementara itu, Hamzah berharap kerajaan membantu memudahkan produk bajanya untuk dieksporth ke luar negara supaya dapat mengembangkan lagi teknologi

anak muda tempatan yang diusahakan bersama rakannya Muhammad Safwan Sidek ke luar negara.

“Pertanian masa ini sudah berubah dari segi masa dan tenaga kerana tidak perlu dikerah macam dulu. Hasilnya juga boleh bertahan lama. Kalau dulu perlu buat tiga dan empat kerja dalam satu masa.

“Masa ini hanya sekali sahaja tetapi hasilnya boleh digunakan dalam jangka masa panjang,” katanya.

Dalam pada itu, Safwan pula berkata orang muda perlu mengubah fikiran mereka terhadap teknologi nano dalam pembajaan kerana pertanian adalah sumber negara yang amat penting dan merupakan sumber utama.

“Orang muda kena fikir pertanian sudah berubah dan makanan merupakan sumber utama negara.

“FastGrow Fertilizer berjaya menghasilkan dua produk baja cecair Fastgrow Fertilizer iaitu baja hijau dan merah sesuai untuk semua jenis tanaman khususnya kelapa sawit dan durian,” terangnya.

Baja tersebut diformulasikan dengan baja yang seimbang dan cekap bagi memberi kelebihan serta penekanan kepada pemulihan atau rawatan kepada pokok.

Formula khas baja itu dihasilkan untuk meningkatkan mutu dan kualiti hasil tanaman untuk jangka masa panjang. 





PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.






harga

RM19.90



ZULKIFLI SULONG

FENOMENA MAHKOTA

MINGGU lalu, selesai Pilihan Raya Kecil (PRK) yang ke-12 buat negara selepas Pilihan Raya Umum ke-15 lalu. Sehingga kini, Iapan PRK telah dimenangi parti-parti dari Kerajaan Perpaduan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim manakala empat lagi dimenangi Perikatan Nasional (PN).

PRK Mahkota di Johor sangat menarik. Ia adalah gambaran yang paling ideal jika Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH) bergabung melawan PN.

Berdasarkan data pilihan raya kali ini, undi yang diperolehi oleh PH + BN dalam PRN 2022 lalu adalah sama dengan jumlah undi yang diperolehi oleh BN dalam PRK kali ini.

Dalam PRN 2022, PH mendapat 17 peratus (%) undi (11,445) manakala BN mendapat 25% undi (16,611). Jumlah apabila kedua-duanya dicampur adalah 42% dari jumlah undi keseluruhan.

Minggu lepas, ketika PRK Mahkota, jumlah peratusan undi yang diperolehi oleh BN juga adalah 42%. Ia benar-benar melambangkan jumlah undi antara BN dan PH. Ini bermakna berlaku dengan jelas perpindahan undi (*transfer of vote*) dalam kalangan BN dan PH.

Fenomena ini sebenarnya melambangkan kesepaduan dan kesepakatan antara BN dan PH. Ia ditunjukkan melalui kerjasama antara jentera PH dan BN ketika kempen dan hasilnya ditunjukkan dalam kotak undi oleh penyokong masing-masing.

Inilah sebenarnya yang sangat ditakuti oleh parti pembangkang PN. Jika fenomena dari Mahkota ini berjalan ke seluruh negara dan ia kekal sehingga PRU-16 nanti, nescaya PN bakal kehilangan hampir separuh dari kerusi yang dimenangnya pada PRU-15 lalu.

Dari 74 kerusi parlimen yang dimenangi PN dalam PRU-15, mereka akan kehilangan sekurang-kurangnya 32 kerusi termasuk kerusi Pagoh yang dimenangi pengerusinya Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kehilangan ini adalah 43%



PRK Mahkota gambaran yang paling ideal jika BN dan PH bergabung melawan PN.

dari jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi PN.

Di Pagoh, Muhyiddin mendapat 24,986 undi manakala PH + BN pula akan menjadi 29,405 undi. Ini bermakna, BN + PH akan menang dengan majoriti 4,419 undi di Pagoh jika fenomena Mahkota berlaku di Pagoh dan ia sukar untuk ditolak.

Negeri yang paling banyak berlaku fenomena ini adalah Perak (8 kerusi), Pahang (7 kerusi), Selangor (6 kerusi), Melaka (3 kerusi), Pulau Pinang (3 kerusi) dan Melaka (3 kerusi).

Bagi saya, fenomena Mahkota ini akan berulang dengan jelas di Johor dan Melaka. Namun di negeri-negeri lain, ia akan berlaku dengan bersyarat.

Syarat yang paling utama adalah kesepaduan dan semangat mempertahankan perpaduan yang kini terjalin erat dalam kalangan pimpinan utama dan rakyat bawah dipertahan dan dikekalkan.

Untuk membolehkan perkara ini berjalan dengan baik, pemimpin seperti Ketua Pemuda UMNO, Akmal Salleh; Ketua Umno Bahagian

Pulai, Nur Jazlan dan Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Karim perlu didisiplinkan oleh parti masing-masing.

Yang paling ketara dalam kalangan ketiga-tiganya adalah Akmal Salleh. Saya secara pribadi sangat bimbang apabila Akmal berbalas serangan dengan Teresa Kok menjelang PRK Mahkota baru-baru ini.

Sikap besar hati pemimpin DAP mempertahankan perpaduan telah menyebabkan kerena Akmal Salleh tidak memberikan kesan kepada pengundi Mahkota.

Bayangkan jika DAP mengambil hati dengan kecaman dan label 'nyonya tua' dan 'tidak halal' yang diberikan oleh Akmal kepada Naib Pengerusi mereka. Mereka akan membuat tidak kesah sahaja dengan PRK ini dan membiarkan jentera BN berhempas pulas untuk memenangi hati pengundi Mahkota.

Saya diberitahu, antara kesungguhan DAP adalah usaha mereka memastikan pengundi mereka yang bekerja di Singapura pulang untuk mengundi di Mahkota

Sabtu lepas.

DAP telah menyediakan 15 buah kenderaan pelbagai guna (MPV) untuk membawa pulang dan menghantar semula pengundi mereka ke Singapura pada hari tersebut. Ini adalah satu usaha dan kesungguhan luar biasa yang ditunjukkan oleh pemimpin DAP pimpinan Anthony Loke ini.

Saya diberitahu, Akmal mempunyai motif yang jelas dengan tindak tanduk yang beliau tunjukkan. Beliau sentiasa menyerang DAP yang menjadi gabungan UMNO dalam Kerajaan Perpaduan untuk memberikan neratif bahawa tindakan UMNO pimpinan Tan Sri Zahid Hamidi bekerjasama dengan PH ini adalah silap dan perlu ditolak oleh ahli UMNO.

Beliau mahu memberikan gambaran, UMNO sepatutnya bekerjasama dengan PAS. Sebab itu, beliau jarang benar menyerang PAS apatah lagi rakan pemuda beliau dari PAS. Pernahkah kita jumpa Akmal menyerang Afnan Hamimi. Setahu saya tidak pernah.

Saya diberitahu, Akmal

sebenarnya bekerja untuk bekas Naib Presiden UMNO, Tan Sri Hishamuddin Hussain dan bekas wanita pertama (Flom) yang menjadi antara punca kejatuhan Datuk Seri Najib Razak, Datin Seri Rosmah Mansor.

Jika benarlah cerita ini, bermakna tidak peliklah naratif yang dibawa oleh Akmal adalah menekan Zahid dan mempromosikan naratif yang dibawa oleh PN bahawa UMNO sekarang tenggelam dalam kerjasama dengan DAP iaitu gelaran UMDAP.

Saya juga diberitahu, Nur Jazlan juga ada cerita tersendiri apabila mengeluarkan kenyataan meminta PH memohon maaf kepada UMNO selepas pimpinan PH bertungkus lumus memenangi calon BN dari UMNO dalam PRK Mahkota. Namun saya serahkan perkara ini diuruskan oleh UMNO sendiri.

Posisi yang berbeza diambil oleh ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Karim. Hassan banyak menghalakan serangan kepada pimpinan PH khususnya PKR sendiri. Beliau jarang menyerang BN.

Bagi sesetengah pihak, sikap Hassan ini lebih kepada isu 'kurang kasih sayang' manakala sesetengah pihak yang lain pula meletakkan sikap Hassan ini adalah kerana 'root' perjuangan beliau adalah Parti Rakyat yang berideologikan sosialis itu.

Pendek kata, simptom yang ada dalam Kerajaan Perpaduan ini perlu diuruskan sebaik mungkin agar ia tidak merebak dan menjadi luar kawalan.

Jika ia diuruskan dengan baik, ditambah pula dengan kejayaan membangunkan ekonomi negara, fenomena Mahkota akan berlaku di seluruh negara dan Kerajaan MADANI ini akan kekal sampai bila-bila sebagaimana yang diramalkan oleh pemimpin politik veteran Lim Kit Siang beberapa hari lalu.

INI sekadar pandangan dari penulis berdasarkan apa yang ada sekarang bukan untuk menghina atau memperlecehkan sesiapa.

Perindah PPR



Bersihkan 'lorong hanyir'

KAWASAN perumahan Program Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA), termasuk di Kuala Lumpur, sering dianggap sebagai tempat yang suram. Kebersihan kurang memuaskan sementara kemudahan awam seperti lif sering rosak kerana tidak dijaga dengan baik.

Tetapi bagi kawan-kawan Kedai Kopi, anggapan seperti ini boleh dielak jika penghuni mengutamakan kebersihan dan keindahan. Lakukan ini atas inisiatif sendiri, tidak hanya bergantung kepada kerajaan.

Dalam hubungan ini kawan-kawan Kedai Kopi tertarik dengan usaha yang dilakukan oleh penduduk PPR Lembah

Subang, khususnya yang tinggal di Tingkat 10. Mereka bersepakat dan komited menjadikan kediaman mereka segar dan cantik dipandang mata.

Mereka bersama-sama mencantikkan bahagian luar kediaman di tingkat tersebut. Hasil usaha gigih menjadikan kediaman tersebut berseri-seri. Antara yang dilakukan ialah mengecat dinding, meletakkan dekorasi, menggantikan lantai simen dengan jubin serta menghias dinding.

Memang terpesona melihat perubahan bangunan. Hasil usaha penduduk menjadikan kediaman PPR itu seperti kediaman mewah, bersih dan menyegarkan mata.

PENGUATKUASAAN bersepadu bersihkan 'lorong hanyir' di Kuala Lumpur dan menjadikannya bandar raya berdaya huni tinggi. Ini azam Datuk Bandar, Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif, yang mahu memastikan ibu negara bersih daripada pelbagai gejala tidak bermoral.

Sebelum ini beliau telah menegaskan akan membersihkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) daripada rasuah. Setiap aduan yang diterima akan disiasat walaupun melalui surat layang.

Selain itu usaha juga dibuat membendung ibu negara daripada gejala peniaga haram, peniaga warga asing, mengatasi kesesakan lalu lintas serta memastikan aspek kebersihan

sentiasa dipelihara.

'Lorong hanyir' atau dikenali juga sebagai 'lorong belakang' bagi sinonim dengan beberapa kawasan tertentu di ibu negara.

Menurut Maimunah, antara kaedah yang akan dijalankan bagi mencapai matlamat pembersihan ini ialah melaksanakan pengindahan fizikal. Ini termasuk membuka kafe, kedai makanan juga galeri anak muda.

Apabila kawasan ini sudah bersih dan wujud kegiatan ekonomi dan sosial, kegiatan seperti pelacuran atau gangsterisme akan terhapus atau sekurang-kurangnya dapat diminimumkan.



SULTAN Kelantan, Sultan Muhammad V (kanan) berkenan menganugerahkan darjah tersebut yang membawa gelaran Datuk kepada Anwar di Istana Negeri di Kubang Kerian, Kota Bharu pada Selasa.



MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil mengadakan perbincangan dua hala dengan Menteri Sains dan IKT Republik Korea, Yoo Sang-im di Seoul bersempena Persidangan GSMA M360 APAC 2024.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaliha Mustafa melawat Taman Ekologi Paya Bakau Kina Benuwa, Labuan untuk melihat hasil-hasil projek yang telah dilaksanakan.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menghadiri Majlis Ilmu di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya bersama dengan Tokoh Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan Tahun 1446H/2024M, Datin Aminah Zakaria.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Rang Undang-Undang Profesion Pekerja Sosial di Kuala Lumpur.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz ketika menghadiri Majlis Perasmian MITI Day pada 1 Oktober 2024.

BERPERANG DENGAN 'PANDEMIK' NCD

METRA SYAHRIL MOHAMED

SABTU lalu ketika berucap menyempurnakan pelancaran Putrajaya Sihat Sejahtera sempena sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera (BMSS) Peringkat Putrajaya, ada sesuatu yang mengecewakan Menteri Kesihatan, **Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad**.

Bercakap, berkempen hari-hari mengenai kesihatan kepada rakyat jelata, hakikatnya di Putrajaya yang menempatkan warga penjawat awam, dua 'penyakit' begitu membimbangkan beliau.

Masakan tidak, dalam Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendapati, Putrajaya 'menjuarai' peratusan mereka yang menghadapi masalah berlebihan berat badan atau obes dan juga paras kolesterol tinggi dalam darah.

Kedua-duanya boleh menyebabkan risiko kepada penyakit tidak berjangkit atau NCD khususnya sakit jantung.

Dalam bahasa mudahnya dipanggil penyakit 'tiga ke empat serangkai' termasuk diabetes dan tekanan darah tinggi.

"Ini tempat kita (penjawat awam bekerja). Tetapi melihat kepada

dapatan indikator NHMS 2023, khususnya Putrajaya, 61.2 peratus daripada mereka berlebihan berat badan atau obes.

"Ia melebihi paras kebangsaan iaitu 54.5 peratus. Nak beri tepukan macam mana (bukan kejuaraan yang patut dibanggakan)?

"Keduanya, kolesterol tinggi dalam darah. Paras kebangsaan 33.3 peratus peratus namun Putrajaya 34.6 peratus," katanya.

Di sebalik data-data yang dilaporkan melalui NHMS 2023 itu, beliau turut menekankan kepada aspek perbelanjaan kerajaan dalam menangani NCD.

Katanya, kerajaan berbelanja besar iaitu lebih RM10 bilion setahun untuk tujuan itu.

"Kita sudah melalui dan telah berlalu pandemik penyakit berjangkit khususnya COVID-19. Memang 36,000 nyawa rakyat kita terkorban akibat COVID-19 dan ia telah berlalu.

"Tetapi kita berdepan 'pandemik' lebih bahaya iaitu pandemik NCD. Ia pandemik sepanjang masa, sebab itu saya sebagai Menteri Kesihatan buat kali kedua ini merasakan antara cabarannya adalah untuk menangani pandemik tersebut," katanya.

Beliau berkata pandemik NCD berkait secara langsung dengan persoalan produktiviti di tempat kerja.

Beliau menyebutnya sebagai absenteeism dan presenteeism. Absenteeism merujuk kepada pekerja yang tidak dapat hadir bekerja atau memperoleh cuti sakit akibat NCD. Presenteeism pula katanya, seseorang pekerja itu hadir di tempat

kerja tetapi tidak mencapai kepada paras produktif yang terbaik.

"Inilah fenomena di tempat kerja. Majikan, bos, ketua-ketua kena ambil maklum dua fenomena ini dan bersama kita bantu pekerja kita untuk mengamalkan gaya hidup sihat," tegas beliau.

Katanya, merujuk kepada data terkini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), beban kos yang ditanggung negara ini dalam menangani NCD mencecah lebih RM22 bilion setahun.

Tetapi katanya, jika diambil kira keseluruhan iaitu secara langsung mahupun tidak langsung, kos tersebut melebihi apa yang dinyatakan itu.

"Ini serius kerana ia menjejaskan produktiviti di tempat kerja," katanya.

Atas dasar itu dan juga atas data-data yang dinyatakan NHMS 2023, Kementerian Kesihatan memilih Putrajaya sebagai kempen pertama Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) kerana ia menempatkan kebanyakan penjawat awam.

TINGGALKAN ROKOK, VAPE

SEPERKARA lain yang dinasihatkan Dr Dzulkefly adalah berkaitan dengan tabiat merokok dan vape.

Katanya, kerajaan terpaksa berbelanja RM6 bilion setahun bagi merawat pesakit merokok.

"Menteri ini (saya) kawal selia supaya yang lain tidak menjadi mangsa akibat toksik asap rokok.

"Kalau (ada) yang nak marah pun, marahlah, tidak mengapa, demi kesihatan awam, kita akan terus mengangkat agenda ini bersama.

"Sebab itu bermula 1 Oktober 2024 kita menguatkuasakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852)," tambahnya.

Beliau memberitahu, tarikh 1 Oktober merupakan kesediaan Jabatan Peguam Negara (AGC)

meluluskan semua peraturan dan perintah.

"Ada 11 peraturan dan dua perintah yang terkait dengan pelaksanaan akta itu. Apa yang dimaksudkan adalah AGC meluluskan semua peraturan dan perintah.

"Cumanya dari sudut penguatkuasaan, bukannya

mudah. Bahagian Kesihatan Awam (KKM) telah menyusun perkara ini dengan cermat dan teliti supaya penguatkuasaannya akan kita terangkan secara terperinci apakah perkara yang akan segera dilaksanakan," katanya.

DENGGI: JANGAN AMBIL MUDAH

DALAM pada itu, beliau turut mengingatkan semua pihak supaya tidak mengambil mudah ancaman denggi.

Katanya, komplikasi demam denggi telah meragut 91 nyawa pada tahun lalu berbanding 62 pada 2022.

"Mencipta persekitaran yang sihat dan sejahtera memerlukan kita cakna dengan sekeliling. Ia berkaitan dengan ancaman denggi. Bayangkan kalau salah seorang daripada 91 nyawa itu adalah insan tersayang dalam keluarga kita.

"Justeru jangan ambil mudah mengenai denggi. Bersama kita hapuskan pembiakan nyamuk Aedes," tegasnya.

Beliau menasihatkan semua pihak memperuntukkan 10 minit seminggu untuk mencari dan memusnahkan unsur-unsur pembiakan nyamuk Aedes. 



DR DZULKEFLY



Labuan miliki tarikan tersendiri

SUMBANG PASARAN PELANCONG

KHAIRUL IDIN

“KEDUDUKAN geografi pulau yang strategik, Labuan memiliki potensi sebagai destinasi pelancongan sekali gus menjadi penyumbang kepada kemasukan pelancong di negara ini,” kata Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**.

Beliau berkata berdasarkan laporan Tourism Malaysia bagi tempoh separuh pertama tahun ini, negara telah mencatatkan ketibaan pelancong yang signifikan iaitu seramai 11.8 juta orang dan menunjukkan peningkatan sebanyak 28.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Katanya, sektor pelancongan kebudayaan merupakan satu sektor yang berpotensi besar untuk dikembangkan sebagai produk pelancongan di pulau itu termasuklah produk pelancongan yang sedia ada.

“Saya yakin Labuan mampu menjadi pulau tumpuan pelancong serantau, bukan sahaja kerana keindahan alamnya tetapi juga kekayaan seni dan budaya yang diwarisi.

“Dengan penganjuran Borneo Art Festival (BAF) baru-baru ini, kita bukan sahaja dapat mempromosikan budaya tempatan tetapi juga memperkukuhkan Labuan sebagai destinasi utama dalam peta pelancongan dunia.

“Ini adalah peluang yang perlu



ZALIHA ketika Program Pembersihan dan Pengindahan Pulau Rusukan Besar sebagai usaha untuk meremajakan semula pulau pelancongan tersebut.

kita manfaatkan, lebih-lebih lagi dengan Malaysia akan mengambil alih Kepengerusian ASEAN pada tahun hadapan,” katanya kepada pemberita pada sesi lawatan kerja selama dua hari ke Labuan.

Selari dengan hasrat untuk memacu semula sektor pelancongan di pulau itu, Zaliha menjelaskan pihaknya melancarkan logo rasmi baharu bagi pelancongan Labuan

sebagai persediaan awal untuk menuju kepada Tahun Melawat Malaysia 2026.

Katanya, logo tersebut menengahkan lima elemen utama produk pelancongan di Labuan yang dipakeikan di bawah konsep 5S iaitu *Sun, Sand, Seafood, Sport Tourism* dan *Shopping*.

“Setiap elemen ini melambangkan kekuatan dan keistimewaan Labuan

sebagai sebuah pulau pelancongan yang dapat menawarkan pengalaman unik dan menarik kepada pengunjung.

“Saya berharap agar Perbadanan Labuan dan semua agensi-agensi kerajaan di Labuan mempergiatkan lagi usaha untuk mempromosikan produk pelancongan ini secara lebih meluas, bukan sahaja di peringkat domestik, bahkan juga di peringkat

antarabangsa.

“Insya-Allah, hasrat untuk menjadikan Labuan sebagai hab pelancongan ini akan menjadi kenyataan dan memberi limpahan manfaat yang besar kepada rakyat Labuan, terutama dari segi peningkatan sosioekonomi rakyat,” katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata sebagai usaha untuk menjayakan sektor pelancongan agar lebih *vibrant*, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dengan kerjasama lebih 100 sukarelawan telah menjayakan Program Pembersihan dan Pengindahan Pulau Rusukan Besar sebagai usaha untuk meremajakan semula pulau pelancongan itu.

Katanya, hasil daripada pelaksanaan program tersebut, Pulau Rusukan Besar dapat diremajakan semula dengan keindahan suasana yang bersih dan lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti rumah pokok, buaian pantai, kafe dan tandas baharu.

“Pembinaan jeti baharu juga akan mula dibina pada bulan Oktober ini untuk menggantikan jeti lama yang telah reput dan usang. Pelbagai kemudahan yang telah tersedia ini membuka peluang yang seluas-luasnya untuk dinikmati oleh para pelancong dari dalam dan luar negara yang berkunjung ke Pulau Rusukan Besar,” katanya. 

Masalah air bakal berakhir

BEBERAPA projek berkaitan penambahbaikan infrastruktur bekalan air di pulau bebas cukai dijangka siap pada hujung tahun sebelum Disember ini.

Menurut Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, langkah komprehensif yang diambil adalah untuk meningkatkan infrastruktur asas Labuan adalah demi manfaat penduduk.

Katanya, ketika ini kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur bekalan air sedang dijalankan dan akan memberi kesan gangguan bekalan air di beberapa tempat.

“Bekalan air ini terganggu disebabkan infra paip yang lama dan rosak serta pelbagai kerosakan lain seperti pam dan sebagainya. Namun, kerja-kerja penambahbaikan di beberapa kawasan dijangka siap pada hujung tahun ini,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan taklimat bersama Bahagian Bekalan Air (BBA) Labuan, di Wisma

Perbadanan Labuan, baru-baru ini.

Tambah beliau, beberapa langkah telah diambil bagi mengatasi masalah berkenaan agar bekalan air dapat disalurkan kepada pengguna di kawasan yang terlibat.

“Untuk mengatasi masalah itu, saya telah mengarahkan kepada bahagian bekalan air dan Perbadanan Labuan untuk mengenal pasti kawasan yang terlibat dalam gangguan bekalan air.

“Kita akan berusaha memastikan yang terjejas mendapat bekalan air dan kita sentiasa bersedia untuk membantu dari segi penambahan bajet tertentu jika perlu,” ujar beliau.

Terdahulu, menerusi Belanjawan 2024, sebanyak RM300 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi kerja pembaikan dan penggantian paip air di Pulau Enos dan Bukit Kalam pada suku kedua 2024.

Kerajaan Persekutuan terus komited menangani masalah gangguan bekalan air di Labuan dan menjadikan ia keutamaan sejajar dengan arahan Perdana Menteri. 

Projek kawalan banjir dijangka siap Ogos 2025

PROJEK Kawalan Banjir bernilai kurang daripada RM8 juta yang sedang dibina bagi menangani isu banjir di sekitar Kampung Gersik di sini dijangka bakal siap sepenuhnya pada Ogos tahun hadapan.

Menurut Penolong Jurutera Awam Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Labuan, **Hamid Anuar Amirullah**, pelaksanaan projek itu dibuat berdasarkan kajian yang telah dijalankan dan didapati kawasan tersebut telah dikenal pasti antara satu kawasan yang berisiko dilanda banjir.

Katanya, projek pembinaan yang menggunakan konsep *strew pump* yang pertama itu telah dijadualkan bermula Ogos tahun lalu dan dijangka siap sepenuhnya dan akan beroperasi pada Ogos tahun hadapan.

“Komponen utama bagi projek ini adalah pembinaan

pintu air bersama dengan pam (*strew pump*) berserta pembinaan konkrit di tebing Sungai Gersik.

“Tujuan projek ini adalah bertujuan untuk mengawal paras air sungai apabila berlakunya fenomena air pasang ataupun hujan lebat berpanjangan.

“Untuk ketika ini, projek ini telah mencapai 32 peratus dan kita menjangkakan berdasarkan projek pembinaan ini dapat memberikan manfaat kepada penduduk sekitar Gersik dan kawasan sekitar meliputi 18 hektar,” katanya kepada Wilayahku.

Tambahnya, pihaknya turut telah mengenal pasti beberapa kawasan *hot spot* yang berpotensi dilanda banjir

antaranya di Rantau-Rantau.

“Selain di Gersik, antara salah satu *hot spot* kawasan berpotensi dilanda banjir adalah di Rantau-Rantau, kita kini sedang melaksanakan kerja menaik taraf sistem saliran air mesra alam dan membina longkang (*U drain*) bersama dengan rumah pam,” katanya.

Mengulas lanjut status hakisan pantai di pulau itu, beliau berkata pihak telah mengenal pasti beberapa kawasan yang mengalami hakisan menerusi beberapa tahap iaitu tahap 1 (kritikal), dua dan tiga.

Katanya, lebih 20 pantai di pulau bebas cukai kini diancam hakisan dengan dua daripadanya di tahap kritikal. 



HAMID

Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya 2024

LONJAK INDUSTRI EKUESTRIAN

SABRINA SABRE

SERAMAI 107 orang peserta dari seluruh negara berentap dalam Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) 2024 yang berlangsung di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya baru-baru ini.

Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden 2024 telah mendapat pengiktirafan oleh Fédération Équestre Internationale (FEI) dan menarik sebanyak 17 penyertaan daripada agensi kerajaan seperti Unit Berkuda PDRM, ATM dan kelab ekuin persendirian.

"Ia sekali gus membuktikan kejayaan PPj dalam penganjuran sukan kuda lasak di negara ini selain berjaya membantu melonjakkan lagi industri ekuestrian negara," ujar beliau.

Menurut Fadlun, penyertaan dari seluruh negara telah diterima bagi kejohanan ini yang mana kesemua peserta perlu melalui pengujian kemahiran, mental serta ketahanan kuda masing-masing di trek lasak sepanjang 40 kilometer mengelilingi Wetland Putrajaya.

"Lumba kuda lasak merupakan

sukan lumba jarak jauh terkawal yang menguji ketahanan kuda untuk sampai ke penamat yang diiktiraf oleh FEI.

"Kuda yang layak menyertai hendaklah melepasi pemeriksaan doktor veteriner sebelum dibenarkan meneruskan tunggangan serta perlu melepasi pemeriksaan akhir selepas menghabiskan jarak acara," ujarnya.

Beliau berkata antara yang dinilai ialah kadar degupan jantung 64bpm, kelajuan menunggang minimum 8km/jam dan maksimum 16km/jam serta faktor-faktor lain yang mana ia turut menguji penunggang untuk membantu memastikan kuda dapat menamatkan perlumbaan dengan jayanya.

"Trek kuda lasak Taman Wetland Putrajaya merupakan trek yang menjanjikan keselesaan serta kepuasan menunggang kerana mempunyai permukaan trek yang kebanyakannya rata, luas dan bebas daripada keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada kuda," ujarnya trek ini juga turut memaparkan pemandangan dan keindahan Wetland Putrajaya di

sepanjang laluan.

Dalam masa sama, Fadlun berkata kejohanan tersebut dilaksanakan bertujuan untuk mempromosikan Putrajaya sebagai salah satu pusat pelancongan dan lokasi sukan berkuda antarabangsa iaitu di Taman Wetland Putrajaya dan Taman Ekuestrian Putrajaya.

"Selain itu, kejohanan ini juga dapat mengeratkan hubungan kerjasama di antara Pasukan Berkuda Agensi Kerajaan yang terdapat di Malaysia seperti Pasukan Berkuda Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan kelab-kelab kuda swasta mahupun persendirian.

"Perbadanan Putrajaya berbesar hati dapat meraikan peminat-peminat sukan kuda lasak dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Kelab Kuda, Pasukan Berkuda Agensi Kerajaan dan Persatuan Ekuestrian Malaysia serta penaja yang memberikan sokongan kepada penganjuran kejohanan pada kali ini," ujar beliau.

Dalam kejohanan itu, johan telah disandang oleh Mohamad Firdaus Hamid (TNT Arabian Stable) diikuti



SEKITAR Kejohanan Kuda Lasak Piala Presiden PPj 2024 yang berlangsung di Padang Semarak, Taman Wetland Putrajaya.

Nurin Amanie Badrina Mohd Tarmizi (Persatuan Ekuin Terengganu) bagi naib johan dan tempat ketiga pula dimenangi Unit Berkuda PDRM, Datuk Seri Sharifuddin Ab Ghani.

Terdahulu, kejohanan ini menawarkan hadiah wang tunai berdasarkan kuda yang mendapat markah kondisi atau parameter

terbaik. Pemenang tempat pertama berjaya membawa pulang wang tunai RM1,500 berserta piala, naib juara pula menerima RM1,000, tempat ketiga RM700 dan tempat keempat hingga ke-10 menerima RM200. Pihak PPj juga turut menyediakan lebih 30 cabutan bertuah kepada para peserta.

Tangani isu pencemaran sisa

DALAM usaha menyahut seruan di peringkat global, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menganjurkan Hari Cuci Malaysia: Program Pembersihan Mega Sempena World Cleanup Day di Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS), Presint 5, Putrajaya.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **Nga Kor Ming**, acara global tahunan itu dilaksanakan bertujuan untuk menangani isu pencemaran sisa yang semakin meningkat selain menanam kesedaran terhadap tindakan pembersihan awam di segenap lapisan masyarakat.

"Inisiatif dengan kerjasama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ini juga adalah seiring dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan MADANI yang berteraskan kepada kemampanan dan kesejahteraan masyarakat.

"Hari Cuci Malaysia ini merupakan kempen gotong-royong mega secara bersepadu di seluruh negara bagi memastikan Malaysia sentiasa bersih, hijau, indah dan mampan.

"Selain daripada itu, kita juga menghadapi masalah tapak pelupusan sampah haram yang bercambah biak di seluruh negara," ujarnya.

Dalam pada itu, Kor Ming berharap pelaksanaan program ini dapat mengatasi masalah pengurusan sisa pepejal selain daripada mengoptimalkan tapak pelupusan sampah sedia ada supaya tiada lambakan sisa berlebihan.

Terdahulu, program pembersihan mega yang melibatkan 156 pihak berkuasa tempatan (PBT) ini berkonsepkan gotong-royong yang melibatkan kerja-kerja pembersihan kawasan, pembersihan dan penutupan tapak sampah haram, kempen



NGA KOR MING (tengah) turut melibatkan diri dalam Hari Cuci Malaysia.

kitar semula, kempen hindar plastik sekali guna, cucian premis, parit dan longkang, plogging, pencucian siar kaki dan pencucian jalan.

Selain kerja-kerja pembersihan, tiga rekod The Malaysia Book of Records (MBOR) turut dicipta dan dipecahkan iaitu bilangan penyertaan teramai serentak di seluruh negara dengan jumlah kutipan sisa pepejal terberat (sisa isi rumah) dan masa gotong-royong paling lama selama 12 jam.

Pengiktirafan rekod ini adalah bukti komitmen KPKT dan rakyat Malaysia yang menjayakan kempen ini sekali gus diabadikan dalam MBOR untuk tatapan generasi akan datang.

Sebagai rekod, program ini mendapat kerjasama strategik daripada Perbadanan PRIMA Malaysia menerusi penglibatan empat residensinya iaitu Residensi Bandar Puteri Jaya 1 dan 2, Kedah; Residensi Seri Mahkota Maju, Pahang dan Residensi Tebrau, Johor. Setiap residensi diwakili oleh 50 orang peserta yang menjadikannya berjumlah 200 orang peserta.

Turut hadir Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekitaran Mampan) KPKT, Datuk Saidatu Akhma Hassan; Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk TPr Fadlun Mak Ujud dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd, Badrulhisyam Fauzi.

Larangan beri makan merpati

PIHAK Perbadanan Putrajaya (PPj) akan mengambil tindakan tegas ke atas individu yang memberi makanan kepada burung merpati di seluruh kawasan pusat pentadbiran negara itu.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, pelaksanaan kempen tersebut diadakan kerana peningkatan aduan kacau ganggu burung merpati serta mengakibatkan kawasan tersebut menjadi kotor dan tidak bersih.

"Pihak PPj akan mengambil tindakan tegas terhadap orang awam di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171) sekiranya didapati memberi makanan atau memelihara burung merpati sehingga mendatangkan kacau ganggu penduduk setempat.

"Ini kerana perbuatan tersebut telah menjejaskan kebersihan serta menjatuhkan imej Putrajaya sekiranya tanpa tindakan penguatkuasaan dan kawalan sewajarnya.

"Justeru itu, pihak PPj akan sentiasa memastikan kebersihan di Putrajaya dalam keadaan baik dan terkawal," tegasnya.



FADLUN



ATLET Para SUKMA menunjukkan penampilan luar biasa sepanjang temasya berlangsung.

Kejayaan Para SUKMA 2024

BUKA MATA IBU BAPA DAFTAR ANAK OKU

SABRINA SABRE

MENTERI Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** berharap pencapaian gemilang atlet di Para Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 mampu membuka mata ibu bapa yang mempunyai anak orang kurang upaya (OKU) untuk mendaftar mereka.

Menurut Hannah, rekod Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan hanya 700,000 kad OKU telah dikeluarkan setakat ini sedangkan dianggarkan lebih empat juta OKU masih belum berdaftar.

"Dengan kejayaan atlet dalam temasya Para SUKMA, saya yakin minat ibu bapa untuk mendaftar dan menggalakkan anak-anak OKU terlibat dalam sukan akan meningkat.

"Jadikan mereka yang meraih

kejayaan cemerlang sebagai inspirasi kepada keluarga di luar sana untuk mendaftarkan anak-anak mereka yang OKU.

"Sebagai Menteri yang menjaga portfolio belia dan sukan, saya mahu melihat sukan sebagai medium gaya hidup sihat dan kecemerlangan bagi anak-anak serta belia. Tambahan pula, sukan mampu menjadi platform penyatuan pelbagai kaum dan budaya," katanya ketika berucap pada Majlis Penutupan Para SUKMA 2024.

Sarawak selaku tuan rumah Para SUKMA 2024 muncul juara keseluruhan dengan 82 pingat emas sekali gus mengekalkan status juara buat kali ke-14.

Lebih 1,200 atlet dari 15 negeri bertanding dalam Para SUKMA 2024 menyaksikan 22 rekod kebangsaan dan 71 rekod Para SUKMA berjaya

dipecahkan.

Pada temasya kali ini, perenang Sabah, Shahafiq Abdullah dinobatkan sebagai Atlet Lelaki Terbaik manakala Atlet Wanita Terbaik menjadi milik pemanah recurve dari Pahang, Loh Chi Hui.

Shahafiq turut menyeru atlet istimewa sepertinya yang ingin menceburi bidang sukan agar tidak malu dan tabah berusaha mengejar impian mereka.

Dia yang mengidamkan untuk beraksi di Sukan Paralimpik satu hari nanti menjadikan perenang negara, Abdul Halim Mohamad sebagai idola.

Sementara itu, Chi Hui berkata prestasi cemerlang yang ditampilkan di Para SUKMA kali ini memberikan keyakinan buatnya untuk beraksi di kejohanan antarabangsa pada masa akan datang.

Tiket Kejohanan Dunia M6 mula dijual

JUALAN tiket untuk pembeli awal (*early bird*) bagi Kejohanan Dunia Mobile Legends Bang Bang (MLBB) (M6) akan bermula secara rasmi pada 5 Oktober pukul 12 tengah hari, menawarkan diskaun 20 peratus untuk tiket Grand Finals Day dan Comeback Day.

MOONTON Games memaklumkan promosi itu akan berlangsung hingga 7 Oktober sementara stok masih ada menerusi rakan kongsi rasmi Ticket2U.

"Acara yang ditunggu-tunggu ini akan diadakan di Axiata Arena, Bukit Jalil, venue yang sama edisi pertama siri M dianjurkan lima tahun lepas, menarik peminat dari seluruh dunia untuk menyaksikan pasukan MLBB terbaik berentap.

"Comeback Day pada 14 Disember akan menampilkan perlawanan Lower Bracket kedua terakhir pada 3 petang diikuti Lower Bracket Final pada 7 malam.

"Harga tiket adalah RM24 bagi kategori Epic, RM36 (Legend) dan RM48 (Mythic)," katanya dalam satu kenyataan.

Grand Finals Day akan berlangsung pada 15 Disember pukul 5 petang dengan tiket berharga RM24 (Epic), RM48 (Legend) dan RM80 (Mythic).

Pembeli tiket awal juga bakal menerima hadiah, cabutan bertuah dan diskaun 20 peratus untuk barangan rasmi kejohanan manakala pemegang tiket Mythic berpeluang mendapat tandatangan pemain M6.



Cadangan sistem baharu pemilihan atlet

MAJLIS Olimpik Malaysia (MOM) sedang memperincikan cadangan untuk menyediakan sistem baharu bagi proses pemilihan atlet ke Sukan SEA 2025 di Thailand.

Menurut Setiausaha Agung MOM, **Datuk Mohd Nazifuddin Najib**, sistem itu bakal menyaksikan hanya atlet terbaik yang akan disenaraikan pada temasya dwitahunan berkenaan.

"Minggu ini kita sudah jumpa persatuan sukan dan kita lihat lebih baik ada satu kriteria kelayakan untuk setiap sukan. Berbanding sebelum ini, kita hanya menggunakan satu sistem

kelayakan yang ada kategori A dan kategori B.

"Jadi kita nak setiap persatuan bincang balik dan dapatkan kriteria untuk Sukan SEA yang mereka rasakan terbaik dari segi merit dan prestasi atlet. Kita akan bawa perkara ini ke perbincangan jawatankuasa akan datang," ujar beliau.

Mengulas lanjut mengenai cadangan itu, Nazifuddin berkata sistem berkenaan sudah digunakan oleh beberapa negara di Asia Tenggara seperti Singapura.

"Sistem itu juga dilihat lebih telus



NAZIFUDDIN

Sukan SEA, juara Sukan Malaysia (SUKMA), jadi rekod ini terlalu lama bukan terkini dan kita perlukan pencapaian terkini.

"Bila ada kriteria kelayakan itu, kita akan lihat kejohanan terdekat

apabila pencapaian atlet akan diukur berdasarkan kejohanan semasa yang mereka sertai beberapa bulan sebelum temasya dwitahunan itu.

"Macam sistem lama, kita harapkan rekod lama contohnya mereka kena juara

mereka sebelum Sukan SEA yang diluluskan oleh badan induk persatuan sukan dunia dan Asia. Jadi, kita nak ke arah lebih telus dan juga lagi terperinci supaya atlet tahu pencapaian sendiri dan apa yang mereka kena hadapi," ujarnya.

Dalam masa sama, beliau meminta Persatuan Sukan Kebangsaan (NSA) untuk membentangkan kriteria kelayakan atlet ke Sukan SEA selewat-lewatnya pada hujung tahun ini untuk dibawa ke mesyuarat pemilihan atlet awal tahun hadapan.



DIMANA SILAPNYA?

STATISTIK kes sumbang mahram di dalam negara ini cukup membimbangkan. Terdapat dua fakta yang mengganggu pemikiran iaitu pertama, bapa kandung direkodkan sebagai pelaku tertinggi dan kedua majoriti kes dilaporkan berlaku di rumah sendiri.

Tidak dinafikan banyak perkara yang menyumbang kepada perbuatan tersebut. Kadang-kadang kita sendiri tidak sedar apa yang dilalui sebenarnya merupakan antara penyumbang kepada isu tersebut.

Bersama para selebriti, wartawan **DEEL ANJER** merungkai antara faktor yang memungkinkan perkara tersebut terjadi. **IT**

Tidak tahu erti tanggungjawab

BAGI pelakon terkenal, **Shukri Yahaya**, setiap bapa perlu sedar akan tanggungjawab serta amanah yang terletak di bahunya bukan menjatuhkan maruah diri melalui sumbang mahram.

"Apabila bapa yang sepatutnya menjadi benteng dan pelindung anaknya melakukan perkara ini, siapa lagi boleh diharapkan dan dipercayai? Tugas dan tanggungjawab bapa bukan sekadar menyediakan tempat tinggal serta makan dan minum, tetapi perlu melindungi keselamatan dan maruah setiap ahli keluarga terutamanya isteri dan anak perempuan.

"Jadi, bagi saya kes sumbang mahram terutama yang membabitkan bapa kandung membuktikan masih ramai bapa tidak memikul tanggungjawab itu sebaliknya mengambil kesempatan dan merosakkan darah daging sendiri.

"Kalau kes sumbang mahram antara anak lelaki dan perempuan pula menunjukkan bapa juga dilihat gagal mendidik anak lelaki untuk menjauhi aktiviti jenayah seksual ini. Dia turut menegaskan

tugas seorang bapa bukanlah mudah dan perlu dibantu oleh peranan seorang isteri atau ibu kepada anak-anak.

"Bapa juga wajar memahami bebanan berat yang perlu dipikul dalam menjaga dan membesarkan anak perempuan. Tolonglah ibu bapa bekerjasama dalam hal ini. Tidak kasihan ke melihat anak-anak jadi mangsa?

"Bagaimana mereka nak teruskan kehidupan jika hidupnya trauma dan dibelenggu peristiwa hitam yang merosakkan masa depannya?

"Sedangkan ibu bapalah harapan dan tempat anak-anak berlindung dari perkara yang tidak sepatutnya. Dengan siapa lagi mereka nak bergantung, kalau bukan dengan anda," tambahnya lagi. **IT**

Tiada pegangan iman

KURANGNYA nilai agama dalam diri merupakan antara faktor yang menyumbang kepada sumbang mahram sekali gus memberi kesan yang mendalam terhadap masa hadapan mangsa.

Berkongsi pandangan, penyanyi **Amira Othman** berkata sebagai ketua keluarga, didikan agama itu menjadi benteng dalam melawan perbuatan zina. Jika gagal dalam bab ini maka kepincangan akan muncul dan meretakan mahligai yang dibina.

"Keluarga yang dibina harus dibangunkan dengan asas yang paling utama iaitu pegangan iman dan tauhid. Keluarga juga adalah tempat anak-anak mempelajari syariat apabila melihat ibu bapanya mengerjakan solat, berpuasa, membaca Al-Quran dan sebagainya.

"Melaksanakan tuntutan tersebut dapat membina moral serta mental seterusnya dapat menjalani kehidupan yang aman serta sejahtera. Namun jika ketua keluarga mengabaikannya maka wujudlah perkara seperti sumbang mahram.

"Akibatnya berpanjangan malah tidak mustahil anak yang menjadi mangsa akan trauma sepanjang hayat setelah melalui peristiwa hitam yang dahsyat dalam hidup mereka," ujarnya.

Masalah akan memberi kesan buruk kepada mereka sedangkan anak ini adalah golongan

yang akan menjadi pemimpin suatu hari nanti.

"Jika perkara ini terjadi di sekeliling kita maka janganlah terlalu cepat menghukum. Bantulah mereka dari pelbagai sudut terutamanya psikologi sebelum ia menjadi lebih parah," ujarnya. **IT**



Rumah terlalu sempit

PELAKON **Ain Sufia** mengakui banyak faktor yang menjadi punca kepada perbuatan sumbang mahram antaranya tidak mempunyai bilik berasingan untuk anak lelaki dan perempuan.

"Apabila sampai ke satu tahap umur, mereka perlu tidur asing seperti yang dituntut dalam Islam bagi mengelak berlakunya sumbang mahram. Namun kita akui tidak semua keluarga mempunyai taraf kehidupan yang senang.

"Keadaan rumah yang sempit dan tidak mempunyai bilik yang mencukupi. Ada yang terpaksa hidup berhimpit dalam rumah yang kecil dengan bilangan ahli keluarga yang ramai.

"Inilah perkara penting yang perlu difikirkan ibu bapa ketika anak-anak masih kecil dan mereka perlu mencari jalan penyelesaiannya agar perkara tidak diingini dapat dibendung," katanya.

Bagi **Ain Sufia** atau nama sebenarnya **Nurul Ain Othman**, rumah yang selesa sangatlah diperlukan bagi sesebuah keluarga.

Dalam masa yang sama, dia turut bersimpati terhadap mereka yang menjadi mangsa nafsu darah daging sendiri.

"Apabila rumah yang sepatutnya menjadi tempat paling selamat bertukar sebaliknya. Jadi di mana lagi anak ini boleh berlindung?," ujarnya.

Tidak dinafikan institusi keluarga pada hari ini semakin mencabar dari pelbagai sudut maka sebelum ia semakin berleluasa semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dan segera bertindak. **IT**





Ajaran menyeleweng bukan isu baharu

BUKA MATA HAYATI KESAN JELIK

ISU penyelewengan dan kesesatan dalam ajaran Islam bukanlah isu yang baharu. Namun pendedahan terhadap kesesatan dan kejelekan ajaran Global Ikhwani Services and Business Holdings (GISBH) serta pengikutnya pada ketika ini telah membuka semula mata semua pihak terhadap keburukan dan kesan akibat kejahilan pengamal ajaran sesat yang jelas bertentangan dengan akidah Islam khususnya akidah Ahli Sunnah Waljamaah yang menjadi iktikad dan pegangan umat Islam di Malaysia malah seantero dunia.

Malah lebih teruk dan jijik apabila gerakan ini tanpa segan silu mempergunakan 'nama agama' demi mengaut keuntungan dan kesenangan. Realitinya, ajaran yang menyesatkan inilah sebenarnya telah merosakkan hampir keseluruhan rantaian hubungan sosial, etika moral, akhlak, ekonomi dan kepercayaan yang menjadi asas kekuatan dan tunjang hidup beragama.

Berselindung di balik tabir bertopengkan agama, waima dari aspek penampilan seakan 'ustaz atau wali' ataupun melalui kata-kata indah seakan 'tok guru atau mufti', kebanyakan ajaran yang menyeleweng ini akan mempergunakan ruang dan pendekatan sebegini demi untuk meraih sokongan dan pengikut.

Apatah lagi sasaran mereka adalah golongan yang jahil dan tidak memiliki asas pegangan dan kefahaman Islam yang kukuh. Pendekatan sebegini telah terbukti apabila disoroti sejarah kemunculan dan perkembangan ajaran sesat dan menyeleweng di Malaysia sejak dari era 1960-an bermula dari gerakan Al-Arqam, Ayah Pin, Syiah, Rasul Kahar ajaran Hulk dan sebagainya sehinggalah pada hari ini.

Timbul beberapa persoalan: Apakah faktor utama yang menyebabkan kemunculan ajaran menyeleweng daripada landasan Islam?

Adakah dengan segala sumber



AJARAN Islam telah terbukti kebenarannya menerusi wahyu Al-Quran Al-Karim. – Gambar hiasan

mengenai Islam pada hari ini masih belum mencukupi dan memberikan kefahaman? Adakah agensi dan institusi Islam di negara ini masih perlu diperkasakan bagi membendung gejala sebegini? Dan banyak lagi persoalan-persoalan berbangkit.

Ajaran Islam yang telah terbukti kebenarannya menerusi wahyu Al-Quran Al-Karim dan risalah nubuwwah Baginda Nabi Muhammad SAW sebenarnya sudah mencukupi menjadi pegangan dan panduan hidup beragama bagi setiap manusia yang bergelar Muslim ataupun mereka yang mencari-cari kebenaran.

Firman Allah SWT dalam Al-Quran bermaksud: "Sesungguhnya agama (yang benar dan diredai) di sisi Allah ialah Islam..." (Surah Ali 'Imran, ayat 19)

Rasulullah SAW juga menjelaskan kedudukan Islam menerusi sabdanya bermaksud: "Islam itu tinggi dan tidak ada yang mengalahkannya ketinggiannya." (Hadis riwayat Al-Baihaqi)

Malah Allah SWT juga telah

memberikan peringatan agar tidak terperosok dalam ajaran selain Islam kerana kesannya bukan sahaja di dunia malah di akhirat. "Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan dia pada hari akhirat kelak daripada orang yang rugi" (Surah Ali 'Imran, ayat 85)

Allah SWT sering kali memperingatkan agar manusia istiqamah dan tetap pada ajaran Islam sebagai agama yang hanif (benar/lurus) dan fitrah (Surah al-Rum ayat 30). Dalam erti kata lain Islam itulah kebenaran, Islam itulah jalan kehidupan, justeru mengapa perlu mencari dan mencipta selain daripada Islam yang telah sempurna dan menyempurnakan? Jawapannya mudah, kerana kejahilan, ketamakan dan pentingkan diri sendiri. Hakikatnya Allah SWT telah menjawab pertanyaan ini dalam firman-Nya, "dan kamu mencintai harta benda dengan kecintaan yang berlebihan..." (Surah al-Fajr ayat 30).

Dan dalam sebuah riwayat Rasulullah SAW menggambarkan sifat tamak manusia ini, "Seandainya

seorang anak Adam (manusia) itu memiliki selembah emas, ia tentu menginginkan dua lembah emas lagi dan sama sekali tidak akan memenuhi mulutnya (merasa puas) selain tanah (iaitu setelah mati) dan Allah menerima taubat orang-orang yang bertaubat." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Dalam riwayat yang lain Rasulullah SAW juga telah menegaskan bahawa barangsiapa yang perpegang teguh kepada Kitabullah (Al-Quran) dan Sunnahnya, maka dia tidak akan sesat selama-lamanya. (Hadis riwayat Tirmizi)

Oleh yang demikian adalah menjadi kefarduan dan tanggungjawab seorang Muslim untuk mendalami dan memahami ajaran Islam yang benar melalui sumber-sumber yang sahih agar tidak mudah terjebak dengan aliran dan pemikiran songsang dan menyesatkan.

Islam adalah agama rahmah, yang bersifat Rabbaniyyah (ketuhanan), Syumuliyyah (lengkap), Waqi'iyah (realistik), 'Alamiyyah (sejagat), Ukhrawiyyah (akhirat). Sifat dan ciri

inilah yang seharusnya difahami dan dipraktikkan oleh umat Islam agar ianya bukan sahaja menonjolkan kebenaran, malah dalam masa yang sama menafikan kebatilan.

Apatah lagi pada zaman teknologi kecerdasan buatan dan ChatGPT ini yang menuntut umat Islam menguasai pelbagai kemahiran dan kemajuan yang akhirnya membuktikan Al-Falah (kejayaan) itu bukan hanya berkisar pada 'teks agama' dan 'tikar sejadah' sahaja, tetapi direalisasikan mengikut keperluan dan perkembangan akal manusia.

Sesungguhnya apa yang berlaku ini pasti besar hikmahnya, agar manusia kembali merenung dan mencari kebenaran (din al-Haq) "Dialah Tuhan yang mengutuskan RasulNya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar (Islam)." (Surah al-Saff ayat 9)

PENULIS Dr Selamat Amir merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaysia.